



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15337]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.26 [Ruangan 15389]

Maksud B.27 [Ruangan 15396]

Maksud B.28 hingga B.32 [Ruangan 15432]

Maksud B.33 [Ruangan 15462]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.26 [Ruangan 15389]

Maksud P.27 [Ruangan 15396]

Maksud P.28, P.31 dan P.57 [Ruangan 15432]

Maksud P.33 [Ruangan 15462]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
 „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 „ DR V. DAVID (Puchong).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.K.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

„ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

„ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor
Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 23hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mengpe-
rusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KOLAM IKAN AIR TAWAR

1. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengadakan satu skim di mana tanah-tanah sawah yang kurang subur oleh kerana tiada cukup bekalan air atau serangan-serangan yang tidak dapat diatasi, dibuat kolam-kolam ikan air tawar seperti Keli, Likoh dan Lampam Jawa, kerana ikan air tawar mendapat pasaran yang baik pada masa ini dan dengan demikian dapat membantu petani-petani mempelbagaikan mata pencarian mereka.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak bercadang mempunyai skim khas untuk memajukan tanah sawah terbiar dan kurang subur untuk dijadikan kolam-kolam ikan air tawar. Walau bagaimanapun, Kementerian ada menyediakan peruntukan untuk program tadah air di bawah Skim Pinjaman Khas Pertanian atau (SPKP) Bank Pertanian Malaysia. Di bawah skim ini, petani-petani yang berminat boleh mendapatkan pinjaman untuk mengusaha ternakan ikan air tawar.

Jabatan Perikanan pula akan memberi khidmat nasihat tentang kesesuaian tapak untuk dijadikan kolam ikan, cara membina kolam-kolam serta cara menternak ikan. Selain daripada khidmat nasihat itu, Jabatan Perikanan juga boleh membekalkan benih ikan secara percuma kepada penternak yang memohon pada kali pertama.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kementerian Pertanian tidak pun menggalakkan sawah-sawah terbiar untuk kolam-kolam ikan. Setakat ini apakah Kementerian Pertanian berusaha untuk memajukan kawasan-kawasan sawah terbiar ini dalam bidang pertanian yang lain selain daripada kolam ikan dan berapa banyak sawah yang terbiar yang ada dalam negara kita?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Jerai salah faham. Bukan kita tidak menggalakkan, tidak ada satu skim khas untuk memajukan, itu soalnya. Tetapi kita ada beri khidmat pada petani-petani yang hendak mengubah tanah itu untuk menjadikan kolam ikan-ikan air tawar.

Berkenaan soalan kedua, ini saya rasa lain daripada soalan asal, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu beberapa tanah sawah yang masih terbiar, sila beri notis.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kemukakan soalan tambahan.

Daripada saya muda sampailah ke tua, benih ikan yang diberi oleh Kementerian Pertanian, khususnya Jabatan Pertanian, pi-mai, pi-mai itu juga, ikan likoh, lampam jawa dan sebagainya. Tidakkah Kementerian bercadang untuk memberi benih-benih yang mengikut selera dan kehendak pemohon? Adakah Kerajaan memberi subsidi dalam permohonan mendapatkan bantuan kolam ikan dan kalau ada, berapa banyak jumlah kewangan yang telah dikeluarkan pada 1987?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, benih-benih ikan yang kita berikan kepada petani-petani ialah benih-benih yang berkenaan jenis ikan yang mereka hendak. Dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang, ikan seperti, keli, likoh dan lampam jawa ada pasaran yang baik dan oleh itu kita membekalkan benih-benih jenis ikan ini.

Berkenaan subsidi, memang kita tidak ada skim subsidi pada petani-petani untuk membina kolam-kolam, tetapi petani-petani boleh meminjam wang dalam Skim SPKP daripada Bank Pertanian Malaysia di kaedah yang khusus iaitu 4% setahun.

TAMAN NEGARA— PENGURUSAN

2. Tuan Shahidan bin Kasim Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk memasukkan Taman Negara di seluruh negara di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kerana daya tarikan pelancong-pelancong luar negeri ke tempat-tempat tersebut amat menggalakkan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan

Pelancongan tidak bercadang untuk mengambil alih pengurusan Taman Negara di seluruh negara. Ini kerana pengurusan Taman Negara memerlukan kepakaran dan pengalaman serta kakitangan yang secukupnya untuk menjamin adanya kawalan yang berkesan ke atas keselamatan kehidupan liar dan seterusnya menentukan kajian-kajian terkawal dapat dijalankan ke atas kehidupan-kehidupan sama ada jenis tanaman atau binatang supaya tidak dimusnahkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 5 Taman Negara di seluruh negara iaitu di Sarawak ada tiga—(i) Taman Negara Gua Niah; (ii) Taman Negara Bako; dan (iii) Taman Negara Gunung Ulu; di Sabah ada Taman Negara Kinabalu dan di Pahang Taman Negara Pahang.

Taman Negara Pahang adalah di bawah bidangkuasa pentadbiran Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara iaitu sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sains, Teknologi, dan Alam Sekitar, manakala Taman-taman Negara di Sabah dan Sarawak adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri masing-masing. Kesemua Taman Negara ini adalah dijaga dengan baik dan memuaskan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha bersama sentiasa dijalankan antara Kementerian dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk memajukan Taman-taman Negara ini sebagai salah satu kawasan tarikan pelancong yang popular di rantau ini di samping menggalakkannya masing-masing sebagai sebuah hutan simpan yang kaya dengan berbagai-bagai jenis tumbuhan dan hidupan liar serta khazanah alam semula jadi.

Taman Negara mempunyai potensi dan daya tarikan pelancongan yang

istimewa di mana pelawat-pelawat dapat merasai kenikmatan hidup dalam suasana alam semulajadi dan keadaan ini perlulah dikekalkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat—ini saya tujukan untuk Taman Negara di Pahang—bahawa pengurusan Taman Negara sekarang ini telah diswastakan iaitu kepada Syarikat River Park Sdn. Berhad. Saya sebagai seorang peminat yang sentiasa membuat lawatan tiap-tiap bulan, saya lihat bahawa terdapat ramai pelancong-pelancong yang melawat Taman Negara dan mendaki Gunung Tahan. Jadi oleh kerana River Park ini syarikat swasta yang tujuannya khusus untuk tujuan pelancongan, kalau diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, jadi nampak sangat percanggahan, Kementerian Sains hendak jaga kebudayaan. Jadi saya sedar Yang Berhormat mungkin segan hendak sebut sebab ini di bawah Kementerian yang lain tetapi pandangan peribadi Yang Berhormat, adakah patut Taman Negara di Pahang ini dimasukkan di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan? Itu yang pertama.

Yang keduanya, berapa banyakkah pelancong Yang Berhormat mengetahui melawat Taman Negara pada tahun ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada sahabat saya dari Arau di atas kepercayaan terhadap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tetapi saya fikir dan saya percaya Kerajaan akan menetapkan supaya Taman-taman Negara ini diletakkan di bawah pentadbiran-pentadbiran yang ada sekarang.

Berkenaan dengan penswastaaan Taman Negara Pahang, saya

difahamkan bahawa oleh sebab River Park ini tidak begitu baik penjagaannya, maka kontraknya telah pun ditamatkan. Kita berharaplah supaya siapa sahaja yang akan mengendalikan Taman Negara Pahang ini nanti terdiri daripada satu syarikat yang benar-benar berupaya.

Berhubung dengan bilangan pelancong-pelancong yang datang ke Taman Negara di negeri Pahang ini pada tahun ini sehingga bulan Ogos, kira-kira 22,600 pelancong-pelancong (daripada Januari sampai Ogos), tahun lepas hampir 13,000, tahun 1985 kira-kira 9,500 dan sebelumnya lebih sedikit daripada 8,000.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui di samping tarikan-tarikan semula jadi, apakah kemudahan-kemudahan yang istimewa yang disediakan oleh pihak Kementerian untuk menarik para pelancong ke Taman Negara?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian sebenarnya tidak ada. Bukan Kementerian yang menyediakan kemudahan-kemudahan tetapi yang menyediakan ialah pihak swasta sebab mereka ini yang menyediakan kemudahan misalannya yang terpaksa disewa oleh mereka yang hendak ke sana dan seperti di Taman Negara Pahang sewaktu ianya diswastakan kepada River Park, River Park yang menyediakan bot-bot daripada Kuala Tembeling ke Taman Negara dengan bayaran-bayaran yang tertentu yang dikenakan oleh River Park ataupun mereka yang mempunyai bot-bot ini. Begitu juga misalannya ke Taman Negara Kinabalu, ada kemudahan-kemudahan yang mana pelancong-pelancong terpaksa membayar sewaan seperti biasa.

Yang Kementerian buat untuk menarik pelancong-pelancong ke tempat-tempat ini ialah dengan mengadakan promosi-promosi tertentu. Kita juga menolong Taman-taman Negara ini membuat brochures supaya lebih terkenal bukan sahaja di kalangan pelancong-pelancong tempatan tetapi juga pelancong-pelancong dari luar negeri yang sukakan keadaan seperti Taman Negara ini.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu Taman-taman Negara ialah suatu tempat menarik untuk pelancong-pelancong. Maka adakah pihak Kementerian ini telah ataupun ada bercadang untuk berunding dengan pihak-pihak Kementerian seperti Pengangkutan dari segi kemudahan untuk sampai ke tempat Taman-taman Negara itu seperti mengadakan kenderaan helikopter misalnya seminggu sekali ataupun berunding misalannya seperti di Taman Negara Pahang mengadakan airport kecil untuk mudah kapal-kapal terbang kecil sampai ke sana dan sebagainya. Itu satu.

Yang kedua, di negara kita ini seperti di ibukota Kuala Lumpur ramai kedutaan-kedutaan asing yang bermukim di sini. Adakah pihak Yang Berhormat ada cadangan dalam hati kecilnya untuk menjemput orang-orang Kedutaan luar ini untuk menziarahi Taman-taman Negara yang satu hari misalnya pihak Yang Berhormat sendiri membuat satu parti, menjemput orang-orang Kedutaan ini hadir di Taman Negara ini untuk mereka balik dan menceritakan kecantikan Taman Negara ini ke negeri masing-masing apabila mereka pulang.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan

menjemput pegawai-pegawai dan kakitangan Kedutaan-kedutaan asing melawat Taman-taman Negara ini, sebenarnya memang kita ada membuat galakan-galakan. Kita telah menyampaikan brochures ini kepada Kedutaan-kedutaan, malah bukan sahaja di sini tetapi melalui Kedutaan-kedutaan Malaysia kita pun kita menyebarkan ke luar negeri. Tetapi belum lagi terfikir oleh saya untuk mengadakan jamuan untuk mereka ini di Taman-taman Negara itu. Insya Allah, saya rasa ini satu cadangan yang baik, kita akan fikirkan perkara ini. Saya harap sahabat saya dari Kuala Nerus juga dapat datang apabila kita buat jamuan sebegini.

Berhubung dengan kemudahan hendak pergi ke Taman-taman Negara berkenaan, sebenarnya tidak ada lagi sekarang ini cadangan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti helicopter service dan sebagainya. Tetapi di Taman Negara Pahang kira-kira setengah jam perjalanan daripada Taman Negara, hala menurun sungai, ada lapanganterbang sebenarnya, memang sudah siap dibuat dalam tahun 1986, sebenarnya kapal terbang pesawat-pesawat kecil boleh turun tetapi cuma tidak ada service sahaja ke sana. Kita berharap pihak-pihak berkenaan malah kita pernah pun meminta pihak MAS membuat kajian untuk mengadakan service ataupun perkhidmatan seminggu sekali atau dua minggu sekali ataupun dua kali seminggu ke Taman Negara di Pahang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed.

(Soalan No. 3 Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed tidak hadir).

BIJIH TIMAH—PENGELUARAN

4. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) tentang kedudukan dan cabaran industri timah negara kini;
- (ii) apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi memulihkan industri timah yang mengalami kejatuhan harga yang amat ketara baru-baru ini. Apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan industri barangan siap yang lebih luas dan drastik daripada timah mentah sebagai langkah pemulihan dan penggantian terhadap kejatuhan dan pengaliran secara besar-besaran timah-timah jongkong mentah ke luar negeri; dan
- (iii) apakah langkah dan peranan Kementerian bagi memastikan Malaysia akan tetap menjadi pengeluar timah terbesar di dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, walaupun pengeluaran bijih padat timah Malaysia kini berkurangan berbanding dengan tahun-tahun yang terdahulu, namun negara kita masih lagi menjadi pengeluar timah utama di dunia.

Pengeluaran timah Malaysia pada tahun 1981 ialah sebanyak 59,938 ton tetapi pada tahun 1986 ianya merosot kepada 29,130 ton. Pemosotan pengeluaran ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan kawalan eksport timah Majlis Timah Antarabangsa dan juga kejatuhan harga timah di pasaran antarabangsa yang mengakibatkan banyak lombong ditutup. Walau bagaimanapun, negara masih mempunyai rizab timah yang besar dan rizab ini dijangka boleh menampung

perusahaan melombong untuk beberapa dekad yang akan datang.

Cabaran yang dihadapi sekarang ialah untuk menyusutkan kelebihan bekalan timah di dalam pasaran serta meningkatkan pengeluaran timah melalui usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan. Kerajaan telah melaksanakan skim pinjaman mudah sejak pertengahan 1986 untuk membantu memulihkan serta mengekalkan kedudukan perusahaan timah negara kita. Sebanyak 8 buah syarikat perlombongan yang layak telah pun mendapat bantuan dari skim ini bernilai kira-kira \$3 juta. Di samping itu kadar tarif elektrik bagi sektor perlombongan telah dikurangkan antara 14% hingga 32% antara bulan September, 1985 dan Julai, 1986. Harga minyak disel juga telah diturunkan sebanyak kira-kira 20% pada bulan April, 1986. Ini jelas dapat membantu mengurangkan beban kos yang ditanggung oleh pengusaha-pengusaha lombong. Kerajaan sentiasa menyokong usaha-usaha di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mempertingkatkan aktiviti aliran untuk menambah penggunaan timah dan memastikan Malaysia kekal mempunyai peranan penting di dalam perusahaan timah dunia.

Di bawah Pelan Induk Perindustrian, perusahaan memproses timah adalah termasuk dalam golongan keluaran logam bukan besi yang telah dikenalpasti sebagai perusahaan yang digalakkan supaya dapat mencapai nilai tokok yang tinggi terutama untuk pasaran eksport.

Keluaran-keluaran seperti pementan, barangan pewter, plate timah dan kimia timah telah dikenalpasti dimajukan. Untuk membantu perusahaan-perusahaan ini berkembang, galakan-galakan seperti taraf printis ataupun galakan elaun cukai pelaburan yang disediakan di

bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 diberikan kepada projek-projek yang membuat keluaran-keluaran yang digalakkan itu. Bukanlah menjadi matlamat Kerajaan untuk terus mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar timah terbesar di dunia. Dasar Kerajaan ialah supaya Malaysia bukan sahaja menjadi pengeluar timah yang cekap tetapi juga mengeksport utama barang-barang siap yang diperbuat daripada timah. Sekiranya kedua-dua matlamat ini dapat dicapai, maka Malaysia akan masih merupakan pengeksport timah terbesar di dunia.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar satu sistem untuk menambahkan kegunaan timah ialah melalui galakan yang boleh diberi kepada industri tin plating, dengan izin. Saya ingin mendapat tahu apakah insentif-insentif yang telah diberikan kepada industri tin plating di negara kita oleh kerana saya dapat tahu industri ini sedang menghadapi beberapa masalah dan berapa banyak tin plating telah pun diimport daripada luar negeri.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat hanya sebuah perusahaan yang membuat plate timah di negara kita. Mengenai senarai galakan-galakan yang diberikan itu, saya tiada maklumat di sini, saya mohon notis.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, banyak cara digunakan untuk menstabilkan harga timah ini, termasuklah sistem "buffer stock", "export control" dan selepas dirasakan beberapa ketika dahulu yang kedua-duanya tidak begitu berkesan, diadakan satu pertubuhan iaitu Pertubuhan Pengeluar-pengeluar Timah Antarabangsa (ATPC). Soalan saya ialah sejauh manakah ATPC

sebagai satu pertubuhan pengeluar-pengeluar timah telah berjaya membantu dalam menstabilkan harga bijih timah di pasaran dunia? Itu pertama.

Keduanya, adakah pengeluar-pengeluar setakat ini tidak mematuhi dasar yang ditetapkan oleh ATPC dan juga dasar-dasar yang ditetapkan oleh Pertubuhan Timah Antarabangsa termasuklah export control dan sebagainya kerana terdapat juga pengeluar-pengeluar sendiri yang tidak mematuhi, akibatnya ialah harga di pasaran tidak terkawal.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang telah dibuat setakat ini nampaknya mendapat sedikit kejayaan iaitu kalau dibandingkan dari segi harga timah purata tahun 1986 ialah \$15.50 bagi satu kilogram, harga yang terdapat di pasaran sekarang ialah kira-kira \$17.44 bagi satu kilogram. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dibuat telah pun mendatangkan hasil dan harga ini adalah lebih tinggi daripada harga yang paling rendah sejak 25 tahun yang lalu iaitu harga yang terendah ialah pada paras \$9.35 sen satu kilogram dalam tahun 1968. Usaha-usaha yang dibuat sekarang ialah untuk mengurangkan kelebihan stok pada pasaran dunia yang pada masa ini sehingga bulan Julai, 1987 terdapat kira-kira 59,000 ton yang masih belum dapat dihapuskan daripada pasaran. Sekiranya stok berlebihan yang terdapat dalam pasaran ini dapat dikurangkan, maka harga sudah pasti akan meningkat naik lagi.

Mengenai skim rasionalisasi yang dijalankan, saya dapat menjawab bagi pihak Malaysia sendiri iaitu pihak kita sentiasa mematuhi kepada kuota pengeluaran yang ditetapkan dan kita percaya kebanyakan daripada negara-negara pengeluar timah adalah juga mematuhi kepada skim rasionalisasi yang ditetapkan itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kerajaan menggalakkan kegiatan downstream dalam industri timah dan selaras dengan dasar ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat sama ada Kerajaan akan mengeluarkan lesen-lesen baru kepada sektor swasta untuk membuat lebih banyak syarikat untuk membuat tin plate, sebab setakat ini hanya ada satu sahaja seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya permohonan dibuat untuk mengeluarkan lebih banyak tin plate, kita boleh membuat kajian, tetapi ini bergantung kepada permintaan oleh kerana seperti Yang Berhormat barangkali bersetuju bahawa adalah tidak munasabah untuk mengeluarkan satu lagi lesen untuk membuat tin plate, dengan izin, sekiranya pasaran yang terdapat sekarang ini kecil oleh kerana ia akan menjejaskan syarikat yang ada sekarang ini.

Bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat sendiri berminat atau ada kawan-kawan yang berminat, kita boleh berunding.

SYARIKAT GULA PADANG TERAP—MODAL

5. **Dato' Dr Affudin bin Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan, banyak manakah ekuiti Perbendaharaan di dalam Syarikat Gula Padang Terap. Apakah rancangan masa depan Syarikat ini untuk menyumbangkan kepada pembangunan penduduk miskin di sekitarnya yang pada masa ini terdapat menfaat dalam bentuk labour income sahaja; berapa peratuskah kerja-kerja kontrak yang diberi kepada Bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan diperbadankan ataupun, dengan izin, Finance Minister Incorporated memiliki \$77 juta atau 72.2% daripada modal yang dibayar Syarikat Gula Padang Terap (GPT) yang berjumlah \$107 juta. Pemegang-pemegang saham yang lain ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (\$17 juta bersamaan dengan 15.8%), Kumpulan FIMA (\$8 juta bersamaan dengan 7.4%) dan Perlis Plantation (\$5 juta bersamaan dengan 4.6%).

Sejak tahun 1981 Gula Padang Terap telah melaksanakan beberapa rancangan yang memberi faedah kepada penduduk-penduduk di sekitar projeknya. Khususnya, Skim Pekebun Kecil (SPK) telah memberi peluang kepada pekebun-pekebun kecil membangunkan tanah terbiar atau tanah yang tidak diusahakan secara komersial supaya menanam tebu secara komersial. Di bawah skim ini, Gula Padang Terap memberi bantuan teknik menanam tebu dan pinjaman untuk perbelanjaan pembangunan. Pada masa ini Skim Pekebun Kecil melibatkan seramai 600 orang yang menanam tebu seluas 6,000 ekar. Kalau dihitung panjang lebihkurang 10 ekar seorang. Bagi tahun 1988 pula peserta-peserta skim ini dijangka akan mengeluarkan 116,500 tan metrik tebu bernilai \$5,000,825.

Gula Padang Terap (GPT) juga telah melatih seramai 200 orang penduduk-penduduk tempatan dalam berbagai-bagai bidang kemahiran seperti mekanik, juruteknik, welder, sains pertanian, perakaunan dan pemandu trektor. Kegiatan-kegiatan Gula Padang Terap (GPT) telah membawa kesan-kesan positif, dengan izin, spin off effects kepada kawasan-kawasan sekitarnya seperti kedai-kedai runcit dan makanan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi

menampung keperluan seramai 2,000 pekerja-pekerja tetap dan 2,100 pekerja-pekerja bermusim. Penduduk-penduduk sekitarnya juga berpeluang menjual kayu getah bernilai lebihkurang \$1 juta setahun kepada Gula Padang Terap untuk bahan api.

Bagi tahun 1986 sebanyak 53% daripada kerja-kerja kontrak telah diberi kepada bumiputera.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan menerangkan berapakah jumlah keluaran gula oleh Syarikat Gula Padang Terap ini dan berapakah peratus sumbangan daripada jumlah keperluan gula negara dan apakah Kerajaan bercadang untuk memperkembangkan syarikat gula ini ke negeri-negeri lain memandangkan sumbangan yang diberi kepada buruh dan juga kepada kawasan tempatan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Yang Berhormat ingin jawapan yang lengkap, saya perlukan notis.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menyenaraikan segala kesan-kesan spin off Gula Padang Terap kepada kawasan Padang Tetap. Cuma saya hendak bertanya di sini, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan jalanraya-jalanraya termasuk jalan-jalan negeri dan juga jalan-jalan kampung telah pun rosak banyak oleh operasi Gula Padang Terap dan ini dengan tidak secara langsung membawa kepada kesusahan rakyat yang sedia miskin di kawasan Padang Terap.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan mengambil perhatian.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Kementerian Kewangan kerana daripada apa yang saya difahamkan Kementerian ini telah melatih hampir 200 orang tempatan dalam berbagai bidang tugas. Tetapi saya difahamkan bahawasanya kerja-kerja memotong masih juga diambil orang daripada Selatan Siam. Tidak adakah orang-orang tempatan yang dapat menjalankan kerja-kerja di situ seperti Pertubuhan Peladang ataupun belia-belia setempat di situ.

Keduanya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sedikit sebanyak tentang keadaan kewangan syarikat ini kerana sejak penubuhannya pada satu ketika Syarikat Gula Padang Terap ini dipanggil Syarikat Gula Padang Tirap. Tirap maknanya atas reban. Jadi, bagaimanakah kedudukan kewangan, adakah untung atau rugi sejak penubuhannya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa walaupun pekerja-pekerja daripada Selatan Siam diambil untuk bekerja di syarikat ini, ia hanya diambil pada ketika-ketika musim tebu dengan musim padi tadi itu berlaga iaitu pada ketika-ketika di mana penawaran pekerja-pekerja tempatan itu berkurangan daripada permintaan. Oleh kerana itu, saya ingin menyatakan di sini pada musim menebang dan musim menanam tebu, kegunaan tenaga ditingkatkan kepada seramai 4,100 orang dan seramai 1,500 pekerja-pekerja musim tebu adalah diambil daripada negeri Thailand dan bagi tempoh lebih kurang 3 hingga 6 bulan sahaja dengan kelulusan Jabatan-jabatan yang tertentu, oleh kerana seperti yang saya sebutkan tadi

kekurangan buruh tempatan dan oleh kerana musim tebu dan musim padi tadi berlaga.

Yang kedua, berkenaan dengan kedudukan kewangan, ingin saya nyatakan di sini bahawa pada tahun 1981 Kerajaan Persekutuan telah mengambilalih syarikat ini daripada Kerajaan Negeri Kedah oleh kerana Gula Padang Terap telah mengalami kerugian terkumpul berjumlah lebih kurang \$81 juta, berbanding dengan modal yang berbayar sebanyak \$30 juta. Oleh kerana kerugian besar ini maka Gula Padang Terap telah mengalami aliran wang tunai yang serius dan tidak ada kemampuan membayar gaji pekerja-pekerja dan hutang-hutang kepada pembekal-pembekal serta juga pinjaman-pinjaman.

Menteri Kewangan yang diperbadankan iaitu Finance Minister Incorporated telah memberi lebih kurang \$77 juta dalam bentuk ekuiti baru dan dengan serta-merta melaksanakan langkah-langkah untuk membaikpulihkan prestasi GPT. Pengawasan prestasi dan kawalan GPT oleh Kementerian Kewangan telah pun dijalankan dengan cara teliti. Pada tahun lepas iaitu pada 30hb September GPT telah pun dapat mengurangkan kerugian terkumpulnya kepada \$34 juta dan kita jangka pada tahun 1989 kesemua kerugian ini dijangka akan dihapuskan memandangkan bahawa tindakan-tindakan baikpulih telah memberi hasil yang baik.

INSTITUSI PENGAMBILAN DEPOSIT—SIASATAN BANK NEGARA

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan institusi pengambil deposit yang sedang disiasat oleh Bank Negara sehingga 30-9-1987, berapa banyak

yang didapati menerima deposit secara haram dan daripada jumlah ini berapa banyak syarikat kredit dan pajakan, tukang emas, kedai pajak dan perusahaan-perusahaan kecil;

- (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengambil-pengambil deposit haram dan apakah langkah yang telah direkomen oleh Bank Negara untuk mendapatkan balik wang-wang pendeposit; dan
- (c) adakah Bank Negara membuat satu rancangan menyelamatkan pendeposit-pendeposit sekiranya harta benda penerima atau pengambil deposit haram telah dihabiskan atau terperangkap dalam tindakan undang-undang.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan institusi-institusi pengambilan deposit ataupun, dengan izin, deposit taking institution yang sedang disiasat oleh Bank Negara sehingga 30-9-1987 sebanyak 30 institusi pengambil deposit ataupun IPD ataupun IDTI, dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, telah disiasat oleh Bank Negara Malaysia. Daripada bilangan tersebut sebanyak 24 IPD telah didapati menjalankan perniagaan kewangan tanpa lesen yang terdiri daripada 19 syarikat kredit dan leasing, 2 kedai emas, 1 kedai pajak dan 2 perniagaan lain.
- (b) Setakat ini, laporan-laporan mengenai perniagaan kewangan secara haram yang dijalankan oleh 20 IPD tersebut serta dokumen-dokumen mereka yang mempunyai bukti yang berkaitan dengannya telah pun diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Laporan bagi 3 lagi IPD yang sedang disiapkan oleh pihak Bank Negara manakala satu lagi kes sedang dalam penyiasatan pihak Polis secara langsung. Ekoran daripada penyerahan laporan-laporan tersebut kepada pihak polis, sehingga ini seramai 9 orang pengarah telah didakwa di mahkamah atas kesalahan di bawah Seksyen 3, Akta Syarikat Kewangan 1969. Seorang daripada mereka yang mengaku salah telah menerima hukuman penjara selama 18 bulan dan denda sebanyak \$10,000 atau 6 bulan penjara. Tarikh perbicaraan bagi kes-kes lain masih belum ditetapkan.

Mengenai isu untuk mendapatkan balik wang pendeposit-pendeposit, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan sebuah IPD yang didapati berkemampuan membayar agar merangka dan menyerahkan kepada Bank Negara Malaysia satu program bagi membayar balik deposit kepada semua pendeposit-pendepositnya. Bagi IPD yang tidak mampu berbuat demikian, pembayaran balik deposit adalah bergantung kepada pencairan-pencairan harta-harta yang boleh dijual dan membahagikan hasilnya kepada pendeposit-pendeposit yang layak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Bank Negara Malaysia tidak mencadangkan untuk mengambil apa-apa langkah menyelamatkan bagi pendeposit-pendeposit IPD yang menyimpan duit mereka secara haram di dalam institusi-institusi tersebut. Kerajaan tidak berkuasa menyekat mana-mana pihak dari menyimpan wang mereka dalam IPD-IPD yang haram, kecuali memberi nasihat kepada mereka yang berkenaan supaya berhenti berbuat demikian.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah

Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu jumlah deposit yang dipungut oleh institusi-institusi pengambilan deposit dan berapa ramai pendeposit-pendeposit yang terlibat?

Kedua, memandangkan bahawa banyak institusi-institusi ini telah melanggar Seksyen 3, Akta Syarikat Kewangan 1969, saya ingin bertanya sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk meminda Akta itu dengan tujuan untuk mencegah kegiatan-kegiatan yang tidak sah ini dari berlaku pada masa hadapan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jumlah pendeposit dan bilangan orang-orang yang terlibat, sebenarnya saya telah jawab soalan ini pada masa yang lepas dan saya tidak perlu mengulanginya lagi.

Soalan yang kedua, Akta yang ada sekarang adalah mencukupi, tetapi apa yang penting sekarang ialah adakah orang-orang yang hendak menyimpan wang mereka di dalam IPD-IPD tersebut itu mengetahui atau tidak tentang perkara yang mereka buat itu adalah haram?

DASAR BUY BRITISH LAST

7. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan semenjak berakhirnya Dasar "Buy British Product Last" apakah perubahan-perubahan positif yang telah berlaku terutama dari segi Dasar Luar British dan sekutu-sekutunya terhadap negara kita.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, semenjak berakhirnya Dasar "Buy British Last" memang terdapat banyak perubahan-perubahan positif di dalam hubungan dua hala di antara Malaysia dan Britain. Dari segi perdagangan dan pelaburan, walaupun

adalah terlalu awal bagi kita untuk menilai setakat mana pengakhiran dasar ini telah dapat meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan British ke Malaysia, tanda-tanda menunjukkan bahawa Kerajaan British dan pelabur-pelaburnya telah memberikan sambutan yang menggalakkan terhadap usaha kita ke arah mewujudkan semula perhubungan perdagangan dua hala yang sihat. Di bidang-bidang yang lain juga terdapat perubahan-perubahan yang amat positif. Ini termasuklah bertambahnya pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin kedua-dua negara. Pihak Britain telah juga meneruskan sistem bantuan yuran untuk pelajar-pelajar Malaysia yang bercadang untuk meneruskan pelajaran mereka di Britain serta mengekalkan kerjasama di bidang pertahanan di dalam konteks Kerjasama Pertahanan Lima Negara.

Dari segi isu antarabangsa, walaupun masih lagi terdapat perbezaan dengan isu-isu seperti Afrika Selatan dan Antartika, pihak Britain menyokong penuh pendirian Malaysia berhubung dengan isu-isu lain seperti Kampuchea. Baru-baru ini juga Britain telah memberikan sokongan terhadap pendirian Malaysia berhubung dengan cadangan, dengan izin, European Community (EC) untuk mengenakan cukai dalaman terhadap minyak kelapa sawit dan lemak. Penentangan yang dibuat oleh Britain dan beberapa buah negara anggota EC yang lain telah dapat menanggukkan cadangan ini daripada diterima oleh EC.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah sebab-sebabnya kita melahirkan satu dasar yang dikenalkan sebagai "Buy British Last" dan apakah perkembangan-perkembangan positif di antara kita dengan Britain yang

menyebabkan kita menyemak semula dasar tersebut dan telah pun memansuhkan dasar tersebut seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Sebab-sebab yang mewujudkan dasar "Buy British Last" adalah di antara lain sikap Kerajaan Inggeris pada masa itu terhadap isu-isu yang telah kita bawa, sama ada di peringkat dua hala di antara negara Malaysia dengan Britain ataupun perkara-perkara antarabangsa berkaitan dengan isu-isu seperti Afrika Selatan dan juga terhadap penuntut-penuntut Malaysia yang wujud di negara yang berkenaan, terutama sekali dari segi bayaran dan sebagainya. Tetapi setelah perundingan diadakan di antara kedua-dua pihak dan juga dengan adanya usaha Kerajaan British untuk menentukan bahawa dasar mereka diubah dari masa ke semasa, terutama sekali terhadap pengwujudan bantuan yuran yang disediakan sebanyak £6.75 juta untuk mengurangkan beban perbelanjaan penuntut-penuntut kita di Britain dan bantuan ini berterusan dari tahun ke tahun, maka kita telah menimbang semula dasar yang berkenaan dan sekarang tidak ada lagi dasar yang kita kenali sebagai "Buy British Last".

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dengan Britain sudah bertambah baik. Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Malaysia bercadang menggunakan suasana yang lebih baik ini untuk meminta lebih hak pendaratan bagi MAS di Britain.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seumpama ini memang sentiasa di dalam perhatian dan pertimbangan Kerajaan dan bila masanya sampai kelak, kita mungkin mengambil

tindakan sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ternyata apabila kita mengakhirkan dasar "Buy British Last" itu menunjukkan bahawa kita tidak dapat apa-apa kemenangan daripada dasar tersebut, bahkan ianya memberi satu perasaan malu kepada kita kerana kita terpaksa menelan kembali segala apa yang telah kita katakan dahulunya. Apakah sikap Kerajaan sebelum menggubal apa-apa dasar akan membuat pengkajian secara halus dan teliti supaya pengalaman ini tidak berulang kembali di masa yang akan datang?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dasar "Buy British Last" ini sebenarnya telah membawa banyak faedah dan keuntungan kepada negara kita, kerana ini telah menyedarkan Kerajaan British bahawa Kerajaan Malaysia mempunyai dasar luar negeri yang tegas dan ingin dihormati dan dipandang tinggi oleh negara-negara yang lain, termasuk negara Britain sendiri. Jadi selepas kita mewujudkan dasar yang berkenaan, maka barulah nampaknya orang British memandang tinggi kepada kita, tidak sepertimana yang sudah-sudah dianggap sebagai salah satu daripada negara yang dijajah oleh mereka.

Selain daripada itu, suka saya menyatakan bahawa sebelum kita mewujudkan satu-satu dasar, maka ianya ditimbang dengan halusnyanya supaya implikasi dasar yang kita buat itu dapat dikaji dengan sepenuhnya.

Setelah mengkaji dasar yang berkenaan, maka ianya diwujudkan dan selepas itu ianya disemak semula, dan jika ianya memberikan keuntungan kepada negara, maka ianya boleh dihapuskan sepertimana yang telah saya sebutkan tadi.

JAWATANKUASA PEMULIHAN BEKAS PERAJURIT

8. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Pertahanan sama ada masih wujud Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Negeri seperti dahulu. Kalau ada siapakah anggota Jawatankuasa peringkat Kebangsaan dan sudah berapa kali diadakan mesyuarat pada tahun 1987.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit Kebangsaan tidak lagi aktif. Jawatankuasa Pemulihan di peringkat Negeri juga tidak aktif, kecuali negeri Selangor Darul Ehsan yang pada kali terakhirnya telah mengadakan mesyuaratnya pada 28hb Jun, 1985.

Keadaan kebajikan dan pemulihan bekas-bekas perajurit sentiasa diambil berat oleh pihak Kerajaan walaupun Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit Peringkat Kebangsaan itu tidak aktif lagi. Melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit (BHEBP), Kementerian Pertahanan, berbagai bantuan dan latihan telah diberikan kepada bakal dan juga bekas perajurit. Ini termasuklah Latihan Vokasional dan Teknikal, Latihan Keusahawanan dan Perniagaan.

Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit juga berfungsi sebagai pusat pendaftaran pekerjaan bagi bekas-bekas perajurit serta juga menyelaraskan semua permohonan penyertaan rancangan tanah FELDA bagi bekas-bekas perajurit.

Di peringkat Negeri, Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan mempunyai pegawai-pegawai dalam Kumpulan "A" yang sentiasa berhubung rapat dengan pihak-pihak berkuasa negeri dalam membantu bekas-bekas perajurit dari

segi mendapatkan pekerjaan. Permohonan lesen-lesen, permohonan memasuki rancangan tanah FELDA dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan. Pegawai-pegawai negeri BHEBP juga sentiasa berhubung rapat dengan pihak Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia di peringkat bahagiannya di negeri masing-masing.

Oleh itu, walaupun Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit di peringkat kebangsaan dan negeri tidak aktif lagi, tetapi semangat dan tujuan pembentukan jawatankuasa tersebut dari segi mendapatkan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor awam dan swasta, kebajikan, kemudahan perubatan, latihan-latihan kemahiran dan keusahawanan telah dan sedang diteruskan oleh Kementerian Pertahanan serta juga dengan kerjasama dan bantuan dari lain-lain agensi Kerajaan.

Kementerian Pertahanan akan mengkaji dari masa ke semasa sama ada perlu atau tidak Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit di peringkat kebangsaan dan negeri sebagai salah satu forum menyelesaikan masalah-masalah bekas perajurit diaktifkan kembali.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita menyedari bahawa Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit peringkat Kebangsaan dan peringkat Negeri ini tidak aktif, apakah Kerajaan akan membubarkan kedua-dua Jawatankuasa ini atau kalau tidak mahu dibubarkan, apakah langkah-langkah lanjut dalam bentuk jangka pendek dan juga jangka panjang bagi memastikan bahawa Jawatankuasa ini benar-benar berfungsi.

Kedua, apakah pihak Kementerian Pertahanan bercadang untuk meletakkan beberapa orang pegawai di

peringkat Kementerian Pertahanan yang bergaji khusus untuk menolong serta menduduki sama Jawatankuasa ini supaya ianya dapat berfungsi balik?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan dalam jawapan awal tadi bahawa fungsi yang ditugaskan kepada Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit peringkat Kebangsaan dan Negeri telah dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan pada masa ini.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya saya tanya, adakah Jawatankuasa ini masih wujud, saya tidak tanya sama ada aktif atau tidak kerana tidak hairanlah kalau Jawatankuasa Pemulihan peringkat Negeri tidak aktif sebab Jawatankuasa peringkat Kebangsaan pun tidak aktif, lagipun sekarang ini kita amalkan dasar "Kepimpinan Melalui Teladan", jadi bila peringkat Kebangsaan tidak aktif sudah tentu peringkat Negeri pun tidak aktif.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalannya?

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Saya mahu tahu sama ada Jawatankuasa ini masih wujud atau tidak, kalau tidak aktif wujud buat apa? Soalannya, apakah fungsi Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit, adakah dia sekadar melepas batuk di tangga?

Yang keduanya, pernahkah perjumpaan dibuat secara direct terus sama ada Menteri atau Timbalan Menteri Pertahanan dengan Persatuan Bekas Perajurit daripada bergantung maklumat-maklumat daripada pegawai-pegawai Hal Ehwal Bekas Perajurit yang kadang-kadang hadir, kadang-kadang tidak hadir dalam mesyuarat. Kalau ada, berapa kali perjumpaan telah diadakan. Kalau

tidak ada, adakah pihak Menteri dan Timbalan Menteri bercadang untuk berjumpa Persatuan Bekas Perajurit yang ada 1001 masalah di hadapan. Terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit peringkat Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 1971 dan telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 14-7-1971.

Tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut mengikut Pengerusi Mesyuarat pertamanya ialah seperti berikut:

- (i) meneliti tentang peluang-peluang bagi mendapatkan pekerjaan kepada bekas-bekas anggota tentera yang semakin bertambah bilangannya dari masa ke semasa.
- (ii) meneliti dan mengkaji dengan lebih luas lagi cara-cara untuk memberi latihan kemahiran dan sebagainya kepada bakal-bakal anggota tentera yang akan berhenti daripada perkhidmatan mereka untuk melayakkan diri mereka di dalam berbagai bidang pekerjaan dalam sektor awam.
- (iii) mencari jalan untuk menubuhkan satu skim seperti Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk menggantikan Tabung Perwira.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan Jawatankuasa ini telah diperluaskan kepada wakil-wakil dari Kementerian Buruh, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Lembaga Pemulihan dan sebagainya dan beberapa mesyuarat telah diadakan di peringkat Negeri dan Kebangsaan sehingga tahun 1986, kalau tidak salah keperluan saya.

Untuk menjawab soalan kedua, perbincangan di antara Menteri Pertahanan dan semasa saya memegang jawatan Timbalan Menteri Pertahanan selalu berdialog dengan ahli-ahli EXCO Persatuan Bekas Perajurit Malaysia berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):
Hendak tambah sedikit?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):
Membantu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, pagi ini saya telah ada perjumpaan di Frazer's Hill dengan wakil-wakil Persatuan Bekas Perajurit Peringkat Negeri dan juga wakil-wakil daripada Persatuan Bekas Perajurit Peringkat Kebangsaan.

Adalah menjadi hasrat saya dan juga Timbalan Menteri Pertahanan berjumpa dari semasa ke semasa.

Saya sangatlah sedar di atas kesulitan yang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit selepas mereka bersara menjadi anggota tentera.

Perkara ini mulai daripada dahulu lagi semasa saya menjadi Timbalan Menteri Pertahanan. Saya ingat apabila saya balik baru-baru ini, perkara ini sudah habis—ada lagi, bahkan bertambah lagi masalahnya oleh sebab tahun lepas, kalau tak silap saya, lebih kurang 6,000 perajurit yang telah bersara. Jadi, nampaknya tiap-tiap tahun ini akan bertambah dan daripada satu masa ke satu masa keperluan untuk mencari kerja saya

rasa sangatlah berkurangan. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama dariapda pihak yang berkenaan—agensi-agensi, kita berharap dan berdoa moga-moga dapat menyelesaikan masalah ini. Apa tujuan Kementerian Pertahanan dan juga Kerajaan adalah semata-mata kalau boleh janganlah mencari pekerjaan sahaja di tempat-tempat pekerjaan awam, sama juga swasta, tetapi untuk berdikari supaya membuat perniagaan sendiri. Kalau mengikut pepatah setengah-setengah orang mengatakan baiklah kita mengajar seorang cara dia hendak mencari ikan, janganlah kita berikan ikan. Itulah hasrat dan objektif Kementerian Pertahanan dan Kerajaan.

Dato' Zainal Abidin bin Johari:
Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak boleh, Yang Berhormat.

PELABURAN ASING DAN TEKNOLOGI MODEN

9. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan rancangan-rancangan yang konkrit untuk menarik pelaburan asing dan teknologi yang moden supaya perusahaan pemerosesan komoditi (bahan utama) dapat dikembangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan yang tercapai dalam pemerosesan bagi bahan-bahan utama negara iaitu getah, kayu-kayan, koko dan kelapa sawit sehingga kini adalah menggalakkan.

Kerajaan sedar betapa pentingnya meningkatkan pemerosesan tempatan bagi bahan-bahan mentah negara, terutama untuk eksport dan oleh itu

telah mengatur beberapa rancangan berasaskan kepada syor-syor yang terkandung di dalam Pelan Induk Perindustrian. Ini adalah khusus untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi projek-projek pemerosesan bahan-bahan mentah tempatan.

Di antara rancangan-rancangan yang diatur ialah menggalakkan industri-industri tertentu misalnya tayar, keluaran-keluaran berasaskan susu getah, perabot dan "oleochemicals" melalui skim galakan cukai yang menarik. Bagi industri-industri yang memerlukan pembaharuan, umpamanya terhadap pengubahsuaian teknologi pengeluaran seperti kayu gergaji dan papan lapis, galangan-galangan cukai yang disyorkan adalah ke arah memudahkan industri-industri ini melaksanakan program penyusunan semula dan permodenan. Kerajaan juga akan mempergiatkan lagi peranan badan-badan penyelidikan di dalam pemberian khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha-pengusaha yang memerlukannya.

Kerajaan juga sedar bahawa keluaran-keluaran berasaskan bahan-bahan utama ini perlu disalurkan kepada pasaran eksport memandangkan pasaran tempatan adalah terhad. Oleh itu, mutu dan harga keluaran-keluaran ini harus setanding dengan keluaran-keluaran seumpama buatan negara pesaing. Sehubungan dengan itu, tindakan-tindakan sentiasa diambil untuk menarik pelaburan asing serta teknologi moden ke dalam sektor-sektor ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 10 hingga 28 diberi di bawah ini).

KLINIK OTOPEDIK—RAWATAN

3. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan jumlah kemalangan yang bertambah sedangkan di bahagian otopedik hanya terdapat seorang sahaja doktor yang bertugas mulai jam 10.00 pagi kemudian berehat setengah jam dan pesakit-pesakit yang tidak sempat dirawat diminta datang semula di sebelah petang adakah beliau bercadang menambah seorang lagi doktor, jururawat dan atendan untuk bertugas dibahagian ini, dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Di Hospital Daerah Batu Pahat, kes-kes otopedik dirawat oleh Unit Bedah Umum dimana ada seorang (1) pakar bedah umum dan ada tiga (3) pegawai perubatan. Pakar bedah umum selain daripada menjalankan klinik Bedah Umum juga menjalankan klinik otopedik. Klinik otopedik tersebut diadakan pada tiap-tiap hari Sabtu mulai pukul 8.00 pagi hingga 12.45 tengahari.

Purata jumlah pesakit otopedik yang diperiksa di klinik ini adalah 30 kes setiap hari bekerja.

Pakar Otopedik daripada Hospital Besar Sultanah Aminah Johor Bahru juga melawat Hospital Daerah Batu Pahat pada hari Sabtu dalam minggu kedua setiap bulan. Selain daripada merawat kes-kes di klinik, beliau juga menjalankan pembedahan di hospital tersebut. Jumlah doktor-doktor dan jururawat yang ada, pada pendapat Kementerian, mencukupi untuk menjalankan klinik ini.

Walau bagaimanapun, ada kalanya beban kerja bertambah khususnya pada hari lawatan pakar otopedik dari Hospital Besar Sultanah Aminah Johor Bahru. Juga cara rawatan kes-kes otopedik kebiasaannya memerlukan ulangkaji kes selepas pemeriksaan

x-ray atau selepas dipasang "POP CAST", kadangkala "POP CAST" perlu dipasang semula. Jadi kemungkinan kes-kes perlu dipanggil balik pada waktu petang dalam keadaan tersebut yang tidaklah dapat dielakkan.

PENEROKA FELDA

10. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjelaskan mengapakah di waktu kebelakangan ini terjadi berbagai-bagai isu sehingga menjadikan keadaan yang kurang stabil di beberapa buah kawasan-kawasan Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di negara ini. Apakah langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi keadaan itu termasuk masalah pengangguran anak-anak peneroka yang kian meningkat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Mengikut tinjauan Kementerian ini dan pengalaman yang lepas, peneroka-peneroka seringkali menimbulkan berbagai masalah apabila mereka menghadapi masalah pendapatan yang berkurangan. Masalah-masalah di rancangan FELDA pada akhir-akhir ini timbul dalam masa yang sama semasa peneroka mengalami kekurangan pendapatan yang disebabkan oleh kejatuhan harga barangan utama. Dalam pada itu, ada pula pihak-pihak di luar rancangan yang mempunyai kepentingan dan motif-motif yang tersendiri mengambil kesempatan ini untuk membesar-besarkan lagi isu-isu yang berbangkit supaya mendapat perhatian umum.

Kementerian telah mengaturkan beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan ini. Program-program telah diatur dan dilaksanakan untuk

peneroka mencebur diri dalam bidang aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan seperti mengadakan projek tanaman kontan, ternakan dan perniagaan dan pengurusan kecil. Sehingga ini seramai 6,227 peneroka terlibat dalam bidang tanaman kontan, 7,460 orang peneroka dalam bidang ternakan dan 1,040 orang peneroka dalam bidang perniagaan dan perusahaan kecil.

Bagi anak-anak peneroka, latihan dalam bidang pertanian dan vokasional telah diadakan untuk meningkatkan peluang mereka mendapat pekerjaan dan pengetahuan mereka untuk mengadakan usaha-usaha sendiri dalam bidang-bidang ini. Sehingga ini seramai 3,212 orang anak peneroka telah mengambil bahagian dalam bidang pertanian dan 5,222 orang lagi dalam bidang vokasional.

PELANCONG KE MALAYSIA— GALAKAN

11. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan apakah usaha-usaha baru bagi menarik pelancong-pelancong datang ke negara Malaysia. Adakah pergolakan politik tanahair ianya menjadi terjejas bagi kedatangan pelancong-pelancong.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Usaha-usaha baru yang akan dilaksanakan oleh Kementerian adalah sambongan dan peningkatan usaha-usaha yang sedang dijalankan buat masa ini bagi menarik pelancong-pelancong datang ke negara Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1988 Kementerian dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia akan mengambil bahagian dalam tidak kurang dari 14 Program Penggalakan di luar negeri. Program-program ini termasuklah:

1. Pasadena Tournament of Roses, Amerika Syarikat (1 Januari 88)

2. Asean Tourism Forum '88, Filipina (Januari 23-28, 88)
3. Pameran Intertour, Hong Kong (Januari 28-31, 88)
4. Bengkel ASEAN, Berlin (Februari 1988)
5. International Tourism Exchange (ITE) Berlin (5-10 Mac 1988)

Di samping program-program penggalakan di atas, Kementerian juga sedang berusaha mempertingkatkan mutu barangan-barangan untuk para pelancong. Satu Jawatankuasa Induk Pelancongan yang anggota-anggotanya terdiri dari Ahli-ahli Exco dan Menteri-menteri dari Sarawak dan Sabah yang bertanggungjawab mengenai pelancongan telah dibentuk dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan. Bidang tugas Jawatankuasa ini ialah:

1. Menggubal dan mengesyorkan dasar-dasar berhubung dengan pembangunan industri pelancongan negara.
2. Menyelaras dan memastikan pelaksanaan keputusan-keputusan mengenai pelancong dari:
 - (a) Jemaah Menteri
 - (b) Jawatankuasa Peringkat Menteri Mengenai Galakan Pelancongan.
3. Menimbang cadangan berhubung dengan perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara.
4. Menyelaras dan mengawasi pertumbuhan dan kemajuan industri pelancongan negara sejajar dengan keperluan semasa supaya tidak berlaku pertindihan dalam projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan negeri.

Berhubung dengan persoalan tentang apakah pergolakan politik tanahair boleh menjejaskan kedatangan pelancong-pelancong, pihak Kementerian berpendapat bahawa suasana yang aman dan tenteram dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke negara kita.

AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN

12. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pindaan yang akan dibuat mengenai kewujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan apabila Akta Pelajaran 1961 dipinda nanti.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh. Oleh kerana kajian ini belum selesai lagi, adalah terlalu awal untuk membuat apa-apa ketetapan mengenainya.

GADIS/ANAK-ANAK KECIL HILANG

13. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai gadis-gadis/anak-anak kecil yang dilapor hilang sejak tahun 1985 hingga 1987 mengikut kaum;
- (b) berapa ramai yang ditemui kembali gadis-gadis/anak-anak kecil hilang yang ditemui; dan
- (c) berapa ramai mereka yang didakwa kerana terlibat dalam kegiatan menculik gadis-gadis/anak-anak kecil sejak tahun 1986 hingga kini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah gadis/anak-anak kecil yang dilaporkan hilang dari

tahun 1985 hingga 1987 (September) mengikut kaum Melayu—659 orang, Cina—327 orang, India—143 orang, lain-lain bangsa tiada, menjadikan jumlah kesemua 1,051 orang. Dari jumlah tersebut, bilangan yang dijumpai semula ialah Melayu—185 orang, Cina—72 orang dan India—21 orang menjadikan jumlah kesemua yang ditemui semula seramai 278 orang.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat yang ketiga itu, jumlah mereka yang didakwa kerana menjalankan kegiatan menculik gadis/anak-anak kecil dari tahun 1986 hingga kini adalah seramai 30 orang.

HOSPITAL PERGIGIAN SANDAKAN—PENCEROBOHAN MORO

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa akan suatu laporan polis yang dibuat oleh sepasang suami isteri di Balai Polis Sandakan pada 18-6-1987 yang menuduhkan bahawa lebih kurang lima atau enam orang "MORO" telah mencerobohi Hospital Pergigian di Sandakan dan mengancam mereka, apakah tindakan yang telah diambil dalam hal ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar sepasang suami isteri yang merupakan kakitangan di Klinik Pergigian Dutchess of Kent, Sandakan telah membuat laporan polis di Balai Polis Sandakan pada 18-6-1987 (Sandakan Rpt. 3724/87). Dalam laporan tersebut mereka menuduh lebih kurang 5 hingga 6 orang MORO telah menceroboh Klinik Dutchess of Kent, Sandakan serta mengancam mereka. Walau bagaimanapun setelah pihak polis menjalankan siasatan adalah didapati laporan tersebut tidak benar

kerana tiada orang MORO yang mencero boh Klinik Pergigian itu.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PENGARUH

15. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana pengaruh komunis di Tenggara Asia yang kelihatan seperti meningkat di negara-negara jiran akan membawa nafas baru parti komunis Malaysia (CPM).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa Parti Komunis Malaya tidak mempunyai hubungan persaudaraan (Fraternal) dengan mana-mana parti komunis di rantau Asia Tenggara. Sungguhpun perkembangan terbaru di negara jiran khususnya Filipina kebelakangan ini menimbulkan keresahan di kalangan negara jiran termasuk Malaysia, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan mengkaji setiap implikasi keselamatan yang timbul akibat perkembangan politik di negara tersebut.

VISA WARGANEGARA THAI

16. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sebab-sebab mengapa pelancong-pelancong daripada Negara Thai yang memohon Visa untuk melawat negara ini dikehendaki mengemukakan rujukan dari negara Malaysia sebelum mereka diberi visa berkenaan; dan
- (ii) sama ada peraturan seperti itu dikenakan kepada pelancong dari negeri-negeri lain dan jika ya, peraturan seperti itu bercanggah dengan dasar menggalakkan lebih ramai orang-orang asing melawat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelancong-pelancong terdiri dari warganegara Thai dibenarkan melawat negara ini tanpa visa selama satu (1) bulan. Untuk lawatan melebihi satu (1) bulan tetapi kurang daripada tiga (3) bulan mereka dibenarkan melawat dengan visa Tanpa Rujukan yang dikeluarkan di Pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut.

Hanya lawatan melebihi tempoh 3 bulan adalah dikehendaki menggunakan visa dan rujukan. Ini adalah bertujuan untuk:

- (a) mendapatkan maklumat tambahan mengenai bakal pelawat berkenaan;
- (b) memudahkan urusan jika berlaku sesuatu perkara kepada pelawat ketika berada di negara ini.

Peraturan tersebut juga dikenakan kepada semua pelancong-pelancong dan pelawat-pelawat dari negara-negara ASEAN. Untuk negara-negara lain, peraturan dan kemudahan yang diberikan tertakluk kepada perjanjian pengguna visa. Peraturan ini tidak menghalang pelawat-pelawat asing melawat negara ini.

PENYELUDUPAN SENJATA

17. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan statistik penyeludupan senjata ke negara ini untuk tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987 Oktober dan apakah penyeludupan ini mempunyai talian dengan ancaman luar negeri terhadap Malaysia dan setakat mana tindakan yang berkesan yang telah diambil.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah senjatapi yang diseludup dalam tahun 1984 ialah sebanyak 108 pucuk. Bagi tahun 1985

pula, sebanyak 134 pucuk, 1986 ialah sebanyak 141 pucuk. Dan bagi tahun 1987 (iaitu sehingga 21-10-87) jumlah senjatapi yang diseludup ialah sebanyak 137 pucuk.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat risikan yang telah dijalankan didapati penyeludupan senjatapi ini tidak ada kaitan atau pertalian sama sekali dengan ancaman-ancaman luar yang boleh menjejaskan keselamatan Malaysia. Sebaliknya penyeludupan senjatapi ini hanya melibatkan individu-individu tertentu sahaja iaitu sama ada untuk tujuan penjualan kepada pihak-pihak yang memerlukannya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian serius kepada masalah penyeludupan senjatapi ini. Oleh itu usaha-usaha mencegah penyeludupan dan kawalan keselamatan yang rapi dan ketat sentiasa dijalankan di sepanjang sempadan Malaysia dengan negara-negara jiran.

Untuk mencegah penyeludupan senjatapi ini, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah-langkah di antaranya mengadakan:

- (1) Unit Pencegahan Penyeludupan;
- (2) Unit Kawalan Kawasan;
- (3) Rondaan dan pemeriksaan yang dibuat oleh Polis Merin di sepanjang kawasan perairan Malaysia;
- (4) Pembinaan pagar dan tembok keselamatan di sempadan-sempadan kawasan tertentu;
- (5) Mengadakan alat pengesan senjatapi di pintu-pintu masuk negara ini.

Selain itu, pihak polis dari masa ke semasa mengambil tindakan menahan dan menyekat penjenayah-penjenayah

penyeludupan senjatapi iaitu di bawah Ordinan Darurat 5/69.

(Soalan No. 18. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-1987).

GRADUAN MENGANGGUR

19. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah kejayaan rancangan (four-pronged programmed) dalam menyelesaikan masalah graduan yang menganggur dan apakah rancangan masa depan yang akan dilaksanakan bagi mengatasi peningkatan bilangan graduan yang menganggur.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang berusaha untuk mengatasi masalah peningkatan bilangan graduan yang menganggur. Sehingga kini kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1. Menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Khas untuk mengawasi perkembangan dan mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut. Jawatankuasa itu yang diberi nama Jawatankuasa Mengenai Program Peluang-peluang Pekerjaan Untuk Siswazah adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Antara tugas utama Jawatankuasa ini ialah menyediakan cadangan-cadangan jangka panjang untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Setakat ini beberapa program telah dikenalpasti dan dikaji kesesuaiannya untuk dilaksanakan. Program-program itu ialah:

- (i) Skim Latihan Khas
- (ii) Skim Siswazah Tani
- (iii) Skim Latihan Kemahiran

- (iv) Skim Penempatan di Sektor Swasta
 - (v) Skim Pekerjaan di Sektor Awam
 - (vi) Skim Melanjutkan Pelajaran
 - (vii) Skim Khidmatan Sokongan
2. Selain daripada tujuh skim yang dinyatakan itu, sebagai langkah sementara untuk mengatasi masalah pengangguran siswazah ini dalam jangka pendek, Kerajaan telah pun melancarkan Program Skim Khidmat Sambilan. Melalui skim ini seramai 4,000 orang siswazah telah ditempatkan di Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri di mana secara tidak langsung mereka ini mendapat latihan dan pengalaman mengenai sistem pentadbiran dan perkhidmatan awam negara. Dengan itu mereka bolehlah dikira telah ada pengalaman apabila memohon pekerjaan tetap sama ada di sektor swasta atau awam. Skim ini telah dilancarkan mulai pada 1hb Julai, 1986 dan ianya masih lagi berjalan hingga sekarang.

MAJISTRET BARU—LANTIKAN

20. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kehakiman menyatakan berapakah Majistret baru telah dilantik selepas pindaan "Subordinate Courts" (Amendment) Act 1987 dan nyatakan keputusan-keputusan "Second Class Magistrates".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Seramai 16 orang Majistret yang baru telah dilantik selepas pindaan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987 dilaksanakan. Sementara itu semua 32 orang Pendaftar, Mahkamah Sesyen adalah juga dilantik sebagai Majistret

Kelas II berikutan dengan pindaan Akta yang sama. Sehingga ini, perjalanan perbicaraan oleh Majistret Kelas II adalah lancar dan memuaskan.

PERBELANJAAN KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

21. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) berapakah jumlah belanja sehingga September 1987, bagi upacara rasmi, mengindah dan menambahkan keselesaan pejabat serta belanja lawatan ke luar negeri untuk kesemua Kementerian, Jabatan, Badan-badan Berkanun dan agensi-agensi Kerajaan;
- (b) berapakah jumlah keseluruhan kerugian Kerajaan bagi syarikat-syarikat kepunyaan agensi Kerajaan, Badan Berkanun yang telah ditutup setakat ini; dan
- (c) sejauh manakah prestasi perniagaan dan kewangan bagi projek-projek industri berat, seperti Syarikat Kilang Besi Perjawa Terengganu, Industri Kereta Nasional (Proton Saga) dan lain-lain industri berat setakat ini. Apakah prospek masa depannya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Perbelanjaan dari 1-1-87 hingga 30-9-87 oleh semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan bagi:
 - (i) upacara rasmi ialah \$2,699,785.12.
 - (ii) mengindah dan menambahkan keselesaan pejabat ialah \$5,442,004.53.
 - (iii) lawatan ke luar negeri ialah \$677,431.89.

Perbelanjaan dalam tempoh yang sama oleh Badan-badan Berkanun bagi:

- (i) upacara rasmi ialah \$1,836,540.97.
 - (ii) mengindah dan menambahkan keselesaan pejabat ialah \$3,216,528.14.
 - (iii) lawatan ke luar negeri ialah \$649,925.17.
- (b) Kerajaan telah menutup sejumlah 181 buah syarikat yang dipunyai oleh berbagai-bagai agensinya termasuklah Badan-badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Jumlah kerugian Kerajaan dalam syarikat-syarikat ini adalah sebanyak \$174,040.333.
- (c) Berkenaan dengan prestasi perniagaan dan kewangan bagi projek-projek Industri Berat (HICOM) adalah dimaklumkan bahawa kebanyakan daripada projek-projek tersebut baru sahaja berjalan dan ianya memerlukan tempoh dengan izin "gestation" yang panjang sebelum ia dapat menunjukkan sebarang keuntungan. Dalam pada itu, keadaan kemelesetan ekonomi dunia serta kenaikan nilai matawang asing berbanding dengan ringgit telah juga mengakibatkan kemerosotan ke atas perniagaan syarikat-syarikat tersebut. Misalnya, suasana kelembapan di dalam industri pembinaan di negara ini telah memberi kesan yang buruk ke atas permintaan besi-besi waja dan kenaikan nilai matawang Yen berbanding dengan ringgit telah menyebabkan kenaikan kos bagi bahan-bahan CKD yang diimport dari Jepun.

Sungguhpun demikian, ada beberapa projek HICOM yang telah menunjukkan prestasi perniagaan dan kewangan yang memuaskan seperti Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON), Taman Perusahaan Berat Sdn. Bhd. dan HICOM Properties Sdn. Bhd.

Bagi projek-projek HICOM yang kurang memuaskan langkah-langkah yang sewajarnya untuk memulihkan syarikat tersebut sedang dilaksanakan. Ini termasuk langkah-langkah seperti menambahkan jualan di dalam dan di luar negeri, berunding semula/pembiayaan semula pinjaman dengan terma-terma dan syarat-syarat yang lebih baik dan sebagainya. Dengan langkah-langkah tersebut dan dengan pemulihan ekonomi dunia, adalah dijangka bahawa prospek pada masa depan projek-projek HICOM adalah baik.

UDA DAN PEREMBA—PROJEK PEMBINAAN

22. Dr V. David minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bolehkah beliau mengesahkan jika Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) dan Kumpulan Peremba menguruskan beberapa projek pembinaan bersama di Kuala Lumpur dan di kawasan-kawasan sekelilingnya, dan jika ada, menamakannya; dan
- (b) sama ada sebuah anak syarikat Kumpulan Peremba yang bernama Projek Genting Klang (PGK) telah meminjam wang dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan bahawa sebuah badan Kerajaan seperti

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak boleh memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat swasta kerana ini didapati salah disisi undang-undang. Bolehkah beliau menerangkan bagaimana urusan-urusan ini ditadbirkan dan siapakah yang memberi kelulusan kerana tabung-tabung ini datang dari saku pembayar-pembayar cukai.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):

- (a) Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Peremba Berhad tidak ada menguruskan projek pembinaan bersama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peremba adalah sebuah anak syarikat milik penuh UDA. Oleh yang demikian, UDA mempunyai kepentingan secara langsung ke atas semua aktiviti yang dijalankan oleh Peremba Berhad dan anak-anak syarikatnya.
- (b) Projek Genting Klang (PGK) adalah sebuah syarikat usahasama antara Peremba dan Dewan Bandaraya. PGK telah mendapatkan pinjaman melalui Dewan Bandaraya dan bukan dari Dewan Bandaraya. Ini adalah kerana PGK tidak boleh mendapatkan pinjaman itu secara terus kerana tanah di projek itu adalah dimiliki oleh Dewan Bandaraya. Dengan yang demikian Dewan Bandaraya telah mendapatkan pinjaman itu bagi pihak PGK.

**PENDATANG HARAM—
MENCEGAH KEMASUKAN**

23. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

adakah Kementeriannya mempunyai rancangan untuk mengadakan gerakan besar-besaran di seluruh negara untuk memburu serta mengusir pendaatang-pendatang haram sebab pendaatang-pendatang haram ini telah mewujudkan banyak masalah sosial yang serius.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedang memesatkan rondaan di kawasan perairan dan sempadan darat Malaysia untuk mencegah kemasukan pendaatang haram ke negara ini. Selain daripada itu pemeriksaan mengejut sentiasa dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan dibantu oleh Polis Di Raja Malaysia bagi mengesan, menangkap, mengusir pendaatang-pendatang haram yang berada di Malaysia.

KES ROGOL DAN CULIK

24. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ibubapa-ibubapa rasa kluatir akan keselamatan anak-anak perempuan mereka berumur di antara 7 hingga 18 tahun kerana meningkatnya kes-kes rogol dan culik baru-baru ini, jika ya, apa tindakan Kementeriannya mengambil untuk memastikan bahawa penjenayah-penjenayah seperti perogol-perogol dan penculik-penculik dihapuskan sama sekali daripada masyarakat kita; dan bagaimanakah beliau boleh menjamin keselamatan anak-anak mereka khususnya yang masih dalam bangku sekolah rendah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

SLOGAN MALAYSIA FEST 1987

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan sama ada Kementeriannya akan menolak dari Pemuda UMNO untuk menukar perkataan iklan pelancongan TDC dari "Visit Malaysia Fest 1987 to celebrate many culture, races and heritage" kepada "one race, one culture and a varied heritage" dan sama ada Kementeriannya akan mengambil langkah yang positif untuk memperakukan masyarakat kita yang berbilang kaum, budaya dan warisan yang benar-benar wujud di dalam masyarakat kita untuk menarik pelancongan ke Malaysia.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saranan Pemuda UMNO untuk menukar slogan Malaysia Fest 1987 yang berbunyi "Berbilang Budaya dan Sewarisan" kepada "Satu Bangsa Satu Budaya dan Pelbagai Warisan" telah dikaji oleh Kementerian ini. Pemuda UMNO berpendapat konsep bangsa dalam erti kata sebenar ialah satu "nation" yakni satu bangsa Malaysia meskipun rakyatnya terdiri dari pelbagai keturunan dan kaum. Mereka tidak mencadangkan "one race" sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan tetapi yang dimaksudkan oleh "one nation, one culture and a varied heritage". Kementerian ini telah menarik balik slogan asal supaya lebih sesuai dari segi falsafah dan pemikiran kebudayaan dan cita-cita perpaduan kebangsaan.

Sukacita ditegaskan bahawa Kementerian ini sentiasa mengambil langkah positif bagi mengekalkan perpaduan masyarakat dan memelihara warisan sejarah dan kebudayaan negara sesuai dengan cita-cita Kebudayaan Kebangsaan. Sebagaimana yang disedari bahawa matlamat Kebudayaan Kebangsaan

adalah ke arah perpaduan negara yang menekankan nilai-nilai persamaan di kalangan rakyat, mengukuhkan keperibadian Malaysia dan meninggikan cita-cita kemanusiaan yakni supaya masyarakat di negara kita mempunyai taraf kehidupan, keilmuan dan nilai-nilai budaya yang sihat serta progresif.

TELEFON ALAT PERAKAM ELEKTRONIK

26. Tuan Hu Sepang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan telefon yang dipasang dengan alat perakam (bugged) secara elektronik atau dengan lain-lain alat oleh pihak berkuasa di bawah Kementeriannya dan nyatakan siapakah pihak-pihak berkuasa ini yang berhak menjalankan kegiatan "bugging" telefon-telefon, dan siapakah yang tertakluk kepada "bugging" ini dan boleh Menteri berkenaan memberitahu mengapa telefon-telefon ini di "bugged".

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya merujuk kepada Seksyen 25, Akta Telekomunikasi, 1950 yang berbunyi seperti:

25. Any person who, intending—
- (b) to intercept or to acquaint himself with the contents of any message; tampers with or touches any telecommunication plant, shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding Two Thousand dollars or to imprisonment for a term which may extend to three years or to both.

Lesen Syarikat Telekom Malaysia Bhd. yang dikeluarkan oleh Menteri

Tenaga, Telekom dan Pos, Malaysia, Syarat 99 berbunyi seperti—

“The Licensee shall adequately ensure that—

- (b) there shall be no interception of messages transmitted or received by any telecommunication conveyed by means of the Licensee's Networks or the interception or the listening in of any conversation by telecommunication conveyed by means of the Licensee's Networks.”

GURU-GURU SAKIT JIWA

27. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat 42 guru-guru di Melaka yang mengidap sakit otak/jiwa yang masih dibenarkan mengajar oleh Jabatan Pendidikan Melaka (JPM) tanpa mengira risiko dan bahaya pelajar-pelajar menghadapi kalau sesuatu yang tidak diingini berlaku;
- (b) siapakah yang akan bertanggungjawab kalau sesuatu yang tidak diingini berlaku dan apakah tindakan yang akan diambil;
- (c) berikan sebab mengapa JPM membenarkan keadaan sebegini wujud;
- (d) sama ada beliau sedar bahawa terdapat seorang guru di Sekolah Rendah Kebangsaan Alor Gajah Satu Melaka mengeluarkan kenyataan yang berbau perkauman terhadap pelajar-pelajar kaum India dan seorang guru, Encik Mohamed Lahin, yang berkelakuan buruk sehingga berani mengancam saya serta sila nyatakan tindakan yang akan diambil;

- (e) apakah tindakan yang akan diambil terhadap JPM yang cuba menutupi perkara guru-guru Sekolah Rendah Kebangsaan Alor Gajah Satu yang tidak berdisiplin dan enggan menjawab dan membuat susulan atas aduan saya; dan
- (f) sama ada adalah merupakan suatu dasar melarang guru-guru berbangsa Cina dari mengambil bahagian dengan rakan-rakan berbangsa Melayu mereka dalam suatu jamuan teh kepada seorang guru berbangsa Melayu yang dipindahkan ke sekolah lain, seperti yang berlaku di Sekolah Menengah Seri Mahkota Umbai, Melaka.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Berdasarkan rekod, bilangan guru-guru yang sakit jiwa di Negeri Melaka adalah seramai 27 orang, 15 orang dari Sekolah Rendah dan 12 orang dari Sekolah Menengah. Kenyataan Yang Berhormat Encik Lim Guan Eng menyatakan terdapat seramai 42 orang guru-guru sakit otak di dalam Negeri Melaka adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua guru-guru ini adalah dalam pengawasan guru besar, diselia oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Melaka serta mendapat rawatan dari doktor pakar. Dari laporan guru besar dan pegawai-pegawai yang menyelia sebahagian besar di antara guru-guru ini, sakit jiwanya tidak begitu serius. Mereka ini masih dibenarkan berada di sekolah atas nasihat doktor pakar agar mereka tidak diasingkan untuk mengelakkan keadaan mereka dari menjadi bertambah serius.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan yang serius yang tidak diinginkan masih belum berlaku di Melaka. Sekiranya berlaku tindakan segera dan yang sewajarnya akan diambil oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.
- (c) Oleh kerana "kes sakit jiwa" guru-guru ini tidak jelas dan sakit mereka bermusim pihak pakar kesihatan tidak dapat memberi kepastian dan kata putus tentang seriousness penyakit guru-guru ini. Biasanya mereka dibenarkan berada di sekolah dan diberi kerja-kerja yang berpatutan.
- (d) Berhubung dengan soal kelakuan guru mengeluarkan kata-kata berbau perkauman, adalah dirasai ini satu tuduhan yang tidak berasas. Ia hanya merupakan reaksi spontan yang berpunca dari tindakan Yang Berhormat datang ke sekolah untuk membuat penyiasatan tanpa mengikut peraturan 53 dalam "The Registration of School Ordinance 1950, Schools (General Regulation" berkaitan dengan "Use of school Premises".

Jabatan Pendidikan Melaka merasa dukacita terhadap kejadian tersebut. Walaupun begitu Jabatan ini telah pun membuat siasatan dan memberi nasihat kepada guru serta guru besar berkenaan.

- (e) Jabatan ini tidak menjawab surat Yang Berhormat dengan serta merta kerana perkara itu perlu disiasat terlebih dahulu tambahan pula surat itu bukan merupakan aduan tetapi seolah-olah memberi arahan dan memaksa jabatan ini membuat siasatan dalam masa yang

singkat setelah Ahli Yang Berhormat menghadapi kesulitan dan gagal mendapatkan maklumat.

- (f) Jabatan ini dan sekolah tidak pernah mengamalkan dasar polarisasi. Tuduhan ini berpunca dari cadangan mengadakan jamuan makan malam di sebuah sekolah di Melaka tanpa pengetahuan pengetua dan penolong kanan. Dari peristiwa ini telah timbul salah faham tetapi masalah ini telah dapat diselesaikan dengan campurtangan pengetua dan guru penolong kanannya.

PORTFOLIO MENTERI KEHAKIMAN

28. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersedia menyerah portfolio Menteri Kehakiman untuk memberi jalan kepada orang lain mengambilalih portfolio ini supaya lebih masa boleh diluangkan kepada portfolio tersebut.

Dato' Oo Gin Sun: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mampu menjalankan tugas-tugas Menteri Kehakiman. Dengan itu soal menyerahkan portfolio Menteri itu kepada seorang Menteri lain tidaklah membangkit.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kesembilan*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.26 (Jadual)—

Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyambung sedikit lagi.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung ulasan dan penjelasan saya.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang mencadangkan latihan formal diberikan kepada guru-guru untuk matapelajaran komputer bagi memenuhi pelajaran komputer di sekolah-sekolah. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini matapelajaran komputer tidak ada di

dalam kurikulum formal sekolah. Walau bagaimanapun, latihan untuk matapelajaran memproses perkataan dan memproses data telah dimulakan pada tahun 1987 ini. Bahagian Pendidikan Guru juga memberi pendedahan dan latihan penggunaan komputer kepada guru terlatih menggunakan komputer kepada guru terlatih dalam kursus-kursus seperti ini. Adalah diharapkan bahawa mereka dapat menjalankan tugas dan peranan mereka sebagai penasihat kelab komputer yang terdapat di sekolah-sekolah. Kelab-kelab komputer juga ditubuhkan di maktab-maktab perguruan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sepang meminta Kementerian Pendidikan membina sebuah lagi Maktab Perguruan Islam untuk memenuhi keperluan pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini sudah ada sebuah maktab yang memberi latihan pra-khidmat untuk guru-guru agama. Kampus Tetap Maktab ini dijangka akan siap dibina pada penghujung tahun 1989. Kampus baru ini berupaya menampung sejumlah 1,000 orang guru pelatih pada satu-satu masa. Dengan ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah lagi maktab untuk melatih guru-guru agama Islam kerana maktab ini sekarang adalah difikirkan mencukupi untuk keperluan masa kini dan untuk beberapa tahun akan datang.

Yang Berhormat dari Sepang juga bertanya peruntukan yang diberi kepada Yang Berhormat Dato' Samy Vellu untuk pembinaan-pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Seperti yang saya faham, peruntukan yang diberikan oleh Jabatan Perdana Menteri sebanyak \$3.4 juta kepada Yang Berhormat Dato' Samy Vellu adalah untuk membina semula Sekolah-sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara. Oleh kerana peruntukan tersebut adalah secara terus kepada Yang Berhormat Dato' Samy Vellu, maka pemilihan sekolah-sekolah yang terlibat adalah terpulang kepada diri Yang Berhormat sendiri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah meminta supaya prestasi Dewan Bahasa dan Pustaka ditingkatkan dan menyarankan supaya buku teks diterbitkan dalam tulisan Jawi. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pendidikan telah meminta pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengkaji struktur organisasinya dengan tujuan untuk menyusun dan memperkemaskan supaya pengurusan dan aktiviti-aktivitinya dapat dipertingkatkan. Di samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan prestasinya.

Mengenai usaha menerbitkan buku-buku teks dalam tulisan jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka memang ada menerbitkan buku-buku mata-pelajaran agama dan buku-buku matapelajaran jawi dalam tulis jawi. Walau bagaimanapun, pada masa ini belum ada rancangan untuk menerbitkan buku-buku teks yang lain dalam tulisan jawi kerana jika dilihat dari kehendak sukatan pelajaran yang ada keperluan ini belum timbul lagi.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berhubung dengan soal Dewan Bahasa dan Pustaka juga Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pula telah menanyakan mengapa peruntukan kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka dikurangkan dan beliau khuatir perkara ini akan menjejaskan prestasi Dewan Bahasa dan Pustaka. Mengenai perkara ini, saya ingin menjelaskan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka memang telah memohon

peruntukan tambahan untuk meningkatkan lagi kerja-kerja penerbitan buku-buku khususnya buku-buku pengajian tinggi dan juga buku-buku sastera tetapi oleh kerana kedudukan kewangan negara tidak mengizinkan permohonan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak dapat dipenuhi. Walau bagaimanapun, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyusun semula program menerbitkan buku-buku dengan cara mengurangkan jumlah tajuk yang diterbitkan, jumlah ditetapkan dan mutu bahan-bahan yang digunakan. Namun begitu, mutu pemilihan jadual, mutu isi dan tarikh tersebut sebagaimana yang dirancangan tetap dijaga.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah merayu supaya murid-murid yang miskin dan yang datang dari luar bandar dipertimbangkan masuk ke sekolah asrama penuh, ini beberapa penjelasan sudah dibuat di dalam soal jawab di dalam Dewan ini. Saya hendak tambah sedikit. Faktor sosio-ekonomi sememangnya menjadi satu daripada kriteria pengambilan pelajar di sekolah-sekolah berasrama penuh. Pada masa ini 70% daripada pengambilan pelajar di sekolah-sekolah tersebut adalah dari luar bandar. Kebanyakan pelajar-pelajar ini adalah dari keluarga bertaraf sosio-ekonomi rendah. Di samping itu mulai tahun 1988 Kementerian Pendidikan akan menjalankan pengambilan khas tingkatan I di sekolah berasrama penuh bagi pelajar-pelajar yang benar-benar miskin tetapi berpotensi di dalam bidang akademik. Sebuah sekolah berasrama penuh telah dikenalpasti untuk melaksanakan program ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria minima bagi pelajar-pelajar sekolah di luar bandar untuk layak dipertimbangkan di sekolah berasrama penuh ialah 2A, 1B dan 2C.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, soal peruntukan bagi kegiatan ko-kurikulum telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Beliau mencadangkan supaya peruntukan khas diadakan untuk kegiatan-kegiatan tersebut.

Tuan Pengerusi, peruntukan kewangan diberikan kepada sekolah-sekolah yang didasarkan kepada per capita, keramaian pelajar dan saiz sekolah hanya untuk membiayai pelaksanaan program aktiviti kurikulum sahaja. Bagi membiayai perbelanjaan kegiatan ko-kurikulum dan perpustakaan, Kementerian Pendidikan membenarkan pihak sekolah mengutip yuran khas yang tidak membebaskan pelajar-pelajar mengikut kadar yang ditetapkan. Kementerian Pendidikan sedar bahawa peruntukan yang seimbang dan mencukupi adalah diperlukan oleh pihak sekolah bagi membiayai perbelanjaan mengelola kegiatan ko-kurikulum sekolah supaya dapat berjalan lancar. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan kewangan negara sekarang peruntukan tersebut tidak dapat diberikan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan sentiasa berharap kepada pihak swasta dan anggota masyarakat agar tampil ke hadapan membantu pihak sekolah-sekolah mengatasi masalah kewangan yang dihadapi menerusi persatuan ibubapa dan guru dan program sekolah sebagai institusi masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan Pengkalan Chepa juga telah meminta supaya pendidikan agama Islam untuk murid-murid dipertingkatkan. Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah mengesyorkan ditubuhkan sekurang-kurangnya sebuah sekolah menengah agama rakyat bagi tiap-tiap negeri menjadi sekolah agama berasrama penuh seperti yang dilakukan kepada Sekolah Agama Rakyat Simpang 5, Sabak Bernam.

Berhubung dengan perkara ini, suka saya menjelaskan bahawa setakat ini Kementerian Pendidikan belum ada rancangan seperti yang disarankan itu kerana projek ini memerlukan perbelanjaan yang besar, ini adalah di luar kemampuan Kerajaan pada masa ini. Di samping itu, ada timbul juga masalah untuk menukarkan hakmilik tanah dan kelayakan guru-guru.

Saya juga ingin menerangkan bahawa adalah tidak benar Sekolah Agama Rakyat Simpang 5, Sabak Bernam ditukarkan menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Sebenarnya sekolah ini adalah Sekolah Menengah Simpang 5 iaitu sebuah sekolah menengah harian biasa. Kementerian Pendidikan memang ada rancangan untuk menubuhkan 4 buah kelas aliran menengah agama dengan pengambilan seramai 160 murid di sekolah tersebut pada tahun 1988.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam juga menyeru Kementerian Pendidikan memberi peruntukan yang lebih kepada sekolah-sekolah agama. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pula meminta supaya Kementerian Pendidikan menghantar guru-guru dan memberikan bantuan buku teks ke sekolah-sekolah ini.

Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pendidikan memang ada memberi peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah agama rakyat. Umpamanya pada tahun 1987 sebanyak \$4,580,830 telah diberikan. Pemberian ini akan dinaikkan kepada \$6,267,265 pada tahun 1988.

Mengenai guru-guru pula, pada tahun 1987 Kementerian Pendidikan telah meminjamkan seramai 436 orang guru dalam semua kategori kepada sekolah-sekolah yang berkenaan. Bilangan ini akan ditambah menjadi 676 orang guru pada tahun 1988.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan

Chepa juga meminta supaya bilangan guru-guru agama khususnya yang mempelajari bahasa Arab ditambah untuk berkursus di luar negeri.

Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pendidikan memang ada menghantar guru-guru agama berkursus di luar negeri khususnya mempelajari bahasa Arab. Umpamanya dalam tahun 1986 seramai 20 orang telah dihantar untuk mendapat Sarjana Muda di Universiti Al-khamis di Maghribi pada tahun 1987 seramai 21 orang lagi telah dihantar untuk mengikuti kursus tersebut.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sekian sahaja ulasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai aktiviti Kementerian Pendidikan.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan-pandangan yang membina.

Perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh dalam ulasan saya tadi tetap akan diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,037,064,700 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,037,064,700 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$858,663,350 yang disebutkan dalam

Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$858,663,350 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.27 (Jadual)—

Maksud P.27 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Maksud Bekalan B.27 dan Maksud Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas.

3.51 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri, Maksud Bekalan 27, muka surat 699 di bawah 1.1 Pentadbiran dan Kewangan, muka surat 699 dan 700 dan 1.1.3 Pejabat Perwakilan di Luar Negeri.

Di bawah peruntukan tadi dari konteks pentingnya kebolehan berbahasa Inggeris dan berbahasa asing yang lain selain daripada berbahasa Melayu bagi Diplomat kita dan pegawai-pegawai kita yang berurusan antarabangsa, perdagangan, perniagaan dan profesion. Kebolehan kita untuk bekerja secara berkesan dalam dunia Diplomatik atau diplomacy akan menjadi lebih kukuh sekiranya diplomat-diplomat kita dan pegawai-pegawai kita mahir atau dilihat atau dianggap sebagai mahir dalam bahasa-bahasa asing, bahasa Inggeris terutamanya.

Pada masa-masa yang telah lepas para Diplomat dan pegawai-pegawai

kita sering menjadi pilihan utama dan mereka dijemput dalam persidangan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa untuk bersama mendraf kenyataan bersama atau Communiqué dan Memorandum bersabit dengan persetujuan-persetujuan di mana kerana kita ada peranan maka dengan jelas sekali kita boleh menyuntik sedikit sebanyak sikap atau pendirian serta penekanan-penekanan kita asalkan ia dilakukan dengan teliti dan halus atau kata Mat Salleh, dengan izin, dengan subtle. Ini memerlukan kehandalan dan kelicinan dan kehalusan penguasaan Bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, jangankan kebolehan untuk menggunakan teknik yang halus ini atau subtleties, dengan izin, saya telah diberitahu oleh mereka yang mengetahui dan bertanggungjawab bahawa sayang sekali. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat minta penjelasan?

Tuan Sim Kwang Yang: Kuorum tidak cukup.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): 15 orang. Bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira*).

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): 30 orang. Teruskan Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak ada kuorum pun saya boleh bercakap. Tetapi sahabat saya minta kuorum, terima kasih (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, jangankan kebolehan untuk menggunakan teknik

yang halus atau subtleties, saya diberitahu oleh mereka yang mengetahui dan bertanggungjawab bahawa sayang sekali sekarang ini sudah ada Diplomat-diplomat dan pegawai-pegawai kita yang tidak mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris.

Maka Diplomatik-diplomatik daripada negara-negara ASEAN yang lain, Singapura hatta Indonesia dan Thailand pun sekarang sering menjadi pilihan pertama untuk tujuan-tujuan mendraf kenyataan-kenyataan bersama dan Memoranda walaupun kita juga diwakili tetapi kehadiran kita tidak lagi bisa dan berpengaruh seperti dahulu kala, sekadar mengisikan protokol, syarat atau penyertaan semata-mata. Tidakkah kita akan hilang satu peluang yang berpengaruh pada masa akan datang kalau kebolehan bahawa Inggeris pada Diplomat dan pegawai-pegawai yang mewakili Malaysia di Persidangan Antarabangsa menurun berterusan kepada tahap yang lebih buruk lagi dari apa yang sudah tidak baik kini.

Sebenarnya tidakkah kita telah pun hilang satu advantage iaitu satu nilai yang kita memang dan sedia punyai? Benar kita masih ada lagi Diplomat-diplomat dan pegawai-pegawai kita yang fasih bercakap, menulis, memahami kelicinan bahasa Inggeris tetapi bilangannya sudah amat mulai berkurangan.

Maka saya amat sukacita mendengar bahawa pihak Wisma Putra dan Jabatan Perkhidmatan Awam sudah, sedang dan akan terus berusaha dan bergiat cuba mengembalikan kebolehan dan prestasi kita dalam bahasa Inggeris bagi Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik kita dengan menghantar pelajar-pelajar, muda mudi dan mereka dalam servis atau dalam perkhidmatan yang berbakat, belajar di Cambridge, Oxford, Harvard dan di

beberapa universiti lain yang terkenal sebagai gedung ilmu di negara-negara yang bertutur bahasa Inggeris.

Saya memuji vision, dengan izin, pucuk pimpinan Kerajaan baik politik atau civil servants tentang kesediaan dan mengambil keputusan berani yang telah pun diambil bagi melengkap dan melatih Diplomat-diplomat dan pegawai-pegawai kita berkenaan dengan kebolehan dan penguasaan bahasa Inggeris yang fasih, dengan izin, yang impeccable. Dengan itu saya harap kita juga melatih setengah-setengah dari mereka dalam bahasa-bahasa yang lain yang penting agar dapat menolong mereka menjalankan tugas mereka dengan amat berkesan sekali.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan Kementerian Luar Negeri, saya juga ingin menarik perhatian tentang khabar-khabar kononnya Filipina akan tidak lama lagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Sekiranya seseorang Filipina yang boleh melakukannya, maka pentadbiran Filipina sekarang inilah iaitu pentadbiran President Cory Aquinolah yang lebih patut berbuat demikian. Kita mempunyai sikap yang positif terhadap pentadbiran Filipina sekarang. Setiausaha Luar Filipina yang baru Tuan Raul Manglapus adalah seorang kawan dan kenalan lama negara kita.

Saya berpeluang bertukar-tukar fikiran dengannya semasa kami bersama-sama menjadi fellow di Harvard Centre for International Affairs, dalam musim akademik 1984/1985. Bekas Senator negara Filipina ini adalah seorang yang jujur, yang mengingati kenalan-kenalan beliau dengan rasa syukur. Dan saya tahu beliau ada beberapa kawan rapat di Malaysia, di antaranya seorang bekas Menteri kita. Khabar-khabar itu telah pun nampaknya disahkan dengan pembentangan bacaan Kali Pertama

Rang Undang-undang di Dewan Senate Filipina beberapa hari yang lepas, yang mencadangkan supaya Sabah dikeluarkan daripada wilayah Filipina. Saya amat gembira dengan berita baik ini. Saya harap ia akan diluluskan seberapa segera yang boleh.

Kita sungguh-sungguh berharap, sungguhpun begitu, penguguran dari Sabah wilayah Filipina itu dilakukan sebelum sidang kemuncak diadakan di Manila pada bulan Disember. Jika itu terlaksana, dan saya yakin, ia akan menjadi kenyataan, ia adalah satu perkara yang baik sekali kepada kesetiakawanan dan kejayaan persidangan summit itu.

Dato' Seri Dr Mahathir, sepanjang yang saya ingat adalah Perdana Menteri Malaysia pertama yang akan memijak bumi Filipina semenjak Filipina membuat tuntutannya ke atas Sabah 25 tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, apabila tuntutan ke atas Sabah ini telah dapat diselesaikan kelak dan saya yakin ia akan diselesaikan, maka penekanan kita terhadap perhubungan dan kerjasama serantau yang sedia baik ini akan dapat diperkukuhkan dan dipereratkan lagi, kerana perhubungan yang rapat antara negara-negara ASEAN adalah pokok atau cornerstone dasar luar kita. Ini tidak harus kita lupakan dan setiap langkah untuk menjadikan lebih bermakna akan meningkatkan lagi usaha kita ke arah persefahaman, persahabatan, kerjasama dan keselamatan serantau. Kita harus sentiasa memupuk di atas apa yang telah ada, perhubungan baik antara negara-negara ASEAN. Maka adalah wajib bagi kita yang hidup dalam dunia yang penuh dengan permusuhan dan cabaran ini, memperhebatkan lagi keberkesanan dan permuafakatan antara negara-negara ASEAN dan

ASEAN dengan negara-negara serantau dan di luar rantau ASEAN.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini, saya amat gembira tentang keputusan kita yang bijak untuk kekal duduk dalam Komanwel. Apa jua pun ketidakpuashatian kita terhadap setengah-setengah daripada pendirian setengah-setengah ahli Komanwel dan sikap dan approach, dengan izin, club ini, keputusan yang bersifat kenegaraan atau statesmanlike, dengan izin, itu adalah berpandangan jauh, dengan izin, very far-sighted.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang menyumbang kepada keputusan ini. Saya juga mengakui tentang keteguhan peribadi yang jelas terpancar dalam keputusan untuk mengubah sikap yang diketahui umum sebelum itu. Dengan izin, Tuan Pengerusi, "I wish also to acknowledge the strength of character implicit in the move to reverse a previously publicly pronounced predisposition."

Saya menyokong apa yang diminta oleh Kementerian Luar Negeri ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.05 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahas berkenaan Maksud Bekalan 27, Butiran 020100 di bawah Aktiviti, Politik, Kod 40000—Jenis Perbelanjaan: Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap Sebanyak \$5,132,700 seperti di muka surat 135 dalam Anggaran Perbelanjaan 1988.

Tuan Pengerusi, mengikut Butiran tersebut, peruntukan bagi pemberian dan kenaan bayaran tetap sebanyak \$5,132,700 bagi tahun 1988 adalah

berpatutan memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang. Saya percaya pihak Kementerian Luar telah menyenaraikan secara terperinci berkenaan pemberian dan kenaan bayaran tetap kepada badan-badan antarabangsa yang berkenaan. Namun begitu, saya ingin memberi komen sedikit tentang pemberian negara kita kepada United Nations Relief and Work Agency for Palestine Refugees (UNRWA) iaitu satu badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang bertanggungjawab untuk memberi bantuan dari segi pelajaran, latihan, kemahiran, kesihatan dan lain-lain perkhidmatan kepada dua juta pelarian Palestin yang bertaburan di negara-negara Arab.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Mengikut apa yang saya fahamkan ialah pemberian Malaysia kepada Tabung UNRWA ialah US\$5,000 setahun. Pemberian ini dibuat setiap tahun sejak 8 tahun dahulu dan jumlahnya tidak bertambah. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian Luar Negeri bercadang untuk menambah jumlah pemberiannya bagi tahun 1988 memandangkan bahawa soal Palestin menjadi satu daripada isu penting di dalam dasar luar negara kita.

Saya ingin juga menarik perhatian Kementerian Luar Negeri bahawa sumbangan Malaysia kepada UNRWA jika dibandingkan dengan negara-negara lain adalah terlalu kecil. Kalau dibandingkan dengan United Kingdom yang memberi lebih kurang US\$1.7 juta setahun kepada UNRWA ataupun negara-negara Eropah Barat yang lain pemberian Malaysia sudah tentu jauh kebelakangan. Jika dibandingkan pula dengan negara-negara ASEAN, Malaysia masih merupakan pemberi yang terkecil sekali. Di sebaliknya negara-negara ASEAN yang tidak

begitu lantang sokongan mereka kepada isu-isu Palestin seperti Thailand dan Filipina memberi sumbangan yang lebih tinggi daripada Malaysia kepada UNRWA. Mungkin pihak Kementerian Luar Negeri mempunyai rasionalnya sendiri atas pemberian US\$5,000 setahun kepada UNRWA tetapi apa sahaja rasional yang diberi tidak akan mengimbangkan soal imej Kerajaan Malaysia terhadap sokongan dan bantuannya terhadap masalah orang-orang Palestin.

Soal sama ada kekurangan peruntukan tidak timbul oleh kerana Kod 40000, Butiran 020100 di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap peruntukan dianggar sebanyak \$5,132,700 bagi tahun 1988. Sudah tentu daripada anggaran ini, amaun yang lebih realistik daripada US\$5,000 boleh ditentukan oleh pihak Kementerian Luar Negeri. Ini adalah untuk menjaga kepentingan Dasar Luar Negara dan juga imej Malaysia sebagai penaja bersama (co-sponsor) usul berkenaan bantuan kepada orang-orang Palestin melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula menyentuh Butiran 020200 Aktiviti Penerangan Luar Negeri yang diperuntukkan sebanyak \$5,525,600 bagi tahun 1988 seperti di muka surat 135. Memandangkan anggaran perbelanjaan yang agak tinggi dalam bidang ini, terutama dari segi Emolumen serta Perkhidmatan dan Bekalan butiran tersebut, saya ingin tahu sejauh manakah Bahagian Penerangan Luar Negeri berjaya memperkenalkan Malaysia di kaca mata dunia. Saya percaya di rantau ASEAN atau Tenggara Asia soal memperkenalkan negara ini tidak menjadi masalah sebab Malaysia mempunyai banyak interaksi dengan negara-negara serantau. Tetapi nampaknya kesedaran negara-negara asing tentang Malaysia sangat-sangat

berkurangan terutama sekali di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat dan Eropah Barat.

Kebanyakan rakyat di negara-negara tersebut tidak tahu menahu di mana letaknya Malaysia. Ada banyak yang keliru sama ada Malaysia itu satu negara Afrika atau Asia. Jika dibandingkan dengan kesedaran orang-orang Amerika dan Eropah Barat berkenaan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand, Indonesia didapati bahawa mereka lebih tahu berkenaan dengan negara-negara jiran daripada Malaysia yang sama serantau. Jadi, di manakah silapnya, adakah ini kesilapan orang-orang asing sendiri yang tidak mahu tahu menahu berkenaan Malaysia ataupun ketidakcergasan pihak Bahagian Penerangan Luar di Kementerian Luar Negeri?

Saya rasa satu kajian yang terperinci perlu dibuat dengan segera untuk membetulkan keadaan ini. Kita tidak mahu membazirkan perbelanjaan yang banyak untuk Penerangan Luar sekiranya khidmat atau hasil daripadanya tidak memenuhi objektif negara. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana Malaysia mengutamakan dagangan luar negeri termasuk import eksport serta usaha menarik pelancongan luar ke negara ini. Bahagian Penerangan Luar Negeri seharusnya menerima cabaran untuk bergiat memperkenalkan Malaysia bukan sahaja di negara-negara maju, malahan di kalangan negara-negara membangun seperti di Afrika dan Amerika Selatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Butiran 030100 di bawah Aktiviti ASEAN dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$2,301,400 untuk tahun 1988 seperti di muka surat 136.

Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Luar Negeri kerana

telah memainkan peranan yang positif di dalam kerjasama serantau khususnya ASEAN. Saya sangat-sangat mengharapkan bahawa negara-negara ASEAN akan dapat bekerjasama penuh dalam berbagai bidang termasuk politik dan ekonomi.

Sehubungan dengan itu, kita semua sedia maklum bahawa Filipina sekarang ini dalam proses membentangkan rang undang-undang berkenaan dengan sempadan dan perairan negara itu di dalam Kongresnya. Oleh kerana sempadan dan perairan yang dimaksudkan itu tidak termasuk negeri Sabah, maka saya meminta supaya pihak Kementerian Luar Negeri kita memberi sokongan penuh kepada Kerajaan Filipina dalam hal ini. Kita sangat perlukan kerjasama serantau yang baik lebih-lebih lagi dengan Filipina di mana kita mempunyai hubungan diplomatik sejak 30 tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh Butiran 030200 di bawah Aktiviti Ekonomi Antarabangsa dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$2,339,600 bagi tahun 1988.

Dalam hal ini, saya ingin tahu sejauh manakah pihak Kementerian Luar Negeri telah dapat melaksanakan penyelarasan di Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut di mana dikatakan telah tertubuhnya Jawatankuasa Penyelarasan Aktiviti Ekonomi yang dipengerusikan oleh Ketua Perwakilan atau Duta Besar masing-masing. Setahu saya perkara ini menghadapi berbagai masalah. Ada pula yang tidak dapat bergerak oleh kerana kurang mendapat kerjasama daripada beberapa pegawai agensi-agensi lain.

Saya juga tertarik hati dengan keputusan Kabinet baru-baru ini yang

menentukan bahawa semua agensi Kerajaan di seberang laut diletak di bawah satu bumbung ataupun di bawah kuasa Ketua Perwakilan Malaysia. Oleh itu, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menguatkuasakan keputusan Kabinet ini. Di dalam hal ekonomi juga saya ingin tahu betapakah berkesannya pegawai-pegawai perdagangan kita dalam usaha mempertingkatkan hubungan dagangan di antara Malaysia dengan negara-negara asing, lebih-lebih lagi di dalam keadaan sekarang di mana permintaan di atas barangan Malaysia seperti getah, kelapa sawit, kayu-kayan, minyak dan lain-lain sangat berkurangan. Adakah pegawai-pegawai perdagangan yang di bawah naungan Perwakilan kita di seberang laut sungguh-sungguh berusaha untuk mencari bidang-bidang baru seperti mencari pasaran dan kemudahan untuk pengusaha-pengusaha industri kecil tempatan seperti yang mempunyai kilang-kilang perabot atau tekstil, mengeksport barang-barang buatan mereka ke luar negeri?

Kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand atau Taiwan, kita dapati bahawa Malaysia jauh di belakang dalam usaha-usaha untuk memperluaskan pasaran barangan hasil industri kecilnya. Oleh itu, saya sangat berharap pihak Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengkaji hal ini dan mengambil langkah-langkah positif untuk mengembangkan eksport barangan kita selain daripada barang-barang mentah tradisional seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.17 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalen Chiepa): Tuan Pengerusi, saya cuba timbulkan B.27, Butiran 010000 muka surat 135, Perkhidmatan Sokongan. Di bawah perkara ini saya hendak menyentuh Aktiviti 010200 Perhubungan dan Keselamatan dan Aktiviti 010300 Konsular. Dua Aktiviti ini mempunyai peranan besar tentang keselamatan.

Tujuan bahagian Perhubungan dan Keselamatan adalah untuk menjamin keselamatan, petugas Kementerian dan segala perkara dan peralatan yang ada hubungannya di bawah Kementerian, tetapi lebih penting keselamatan negara dan sesuatu yang dipunyai oleh negara. Sehubungan dengan ini, Bahagian Konsular antara lain untuk memastikan kapal laut dan kapal terbang negara yang melalui ruang laut dan ruang antarabangsa dan negara asing selamat lalu dan singgah dengan selamat di tempat-tempat yang perlu disinggahi.

Apa yang menarik ialah adanya kejadian kapal kargo Malaysia, "Promex Saga" telah dibedil oleh tentera laut Amerika berhampiran dengan Jepun. Sekalipun Amerika telah meminta maaf secara terbuka dan mengira ianya satu kesilapan, tetapi Wisma Putra perlu membuat kajian yang lebih terperinci dalam perkara ini sekalipun Amerika akan membayar ganti rugi. Tetapi yang hendak dipastikan kemungkinan Amerika mempunyai tujuan lain. Cerita bagaimana Amerika boleh silap dalam perkara ini tentunya mencerminkan kelemahan Amerika. Amerika tentu malu kalau pihaknya terbukti ada kesilapan dan ada kelemahan.

"Promex Saga" tentunya sudah mendapat kemudahan untuk berlabuh di Jepun, tetapi ternyata perjalanannya tidak selamat. Yang perlu diperhatikan ialah apakah

Amerika sengaja melakukan untuk menarik perhatian kononnya Perdana Menteri ke Soviet Union pada ketika yang sama. Mungkin dugaan seperti ini dianggap jahat tetapi kita terpaksa berfikir seperti ini kerana biasanya dalam amalan tentera sebelum satu-satu tembakan dilepaskan ia mesti mendapatkan isyarat tentang kapal apa yang belayar dan apa tujuannya berada di situ. Dalam suasana tegang di Teluk Parsi, boleh pihak Amerika memberi amaran kepada Iran sebelum membedil, mengapa dalam suasana tenang di perairan Jepun, Amerika boleh bedil kapal Malaysia.

Saya bimbang kalau-kalau ia disengajakan oleh Amerika bagi memberi amaran kepada Perdana Menteri yang berkunjung ke Soviet. Inilah yang saya harap dapat dipastikan, Amerika yang hendak memasukkan segala negara kecil ke dalam daerah pengaruhnya tidak mahu negara ini mendekati Soviet.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000—Politik dan Penerangan.

Saya menyokong langkah-langkah Kerajaan yang ketara dalam menentang dasar apartheid di Afrika Selatan. Sikap ini akan mengecewakan kiranya langkah itu tidak sekadar perikemanusiaan tetapi yang lebih dari itu ialah masalah keadilan. Keadilan sudah teraniaya di Afrika Selatan. Ketika yang sama saya mencadangkan supaya Kerajaan memerhatikan pula masalah diskriminasi yang terdapat di India. Saya tidak berhasrat untuk mencampur tangan dalam urusan negara lain dan saya sendiri tidak gemar untuk melibatkan negara kita dalam satu konflik antarabangsa dengan sebuah negara lain, tetapi demi keadilan tadi, bahawa perlulah Kerajaan membangkitkan sama isu kedudukan umat Islam di India. Isu ini sensitif tetapi demi keadilan dan keselamatan Asia dan Pacific ini, perlu juga masalah yang dihadapi oleh umat

Islam di India itu disuarakan melalui saluran diplomasi dan tidak menyinggung perasaan Kerajaan India.

Kejadian yang meletakkan umat Islam sentiasa dalam keadaan ketakutan dan bukti-bukti yang umat Islam terus tertekan sejak wujudnya sebuah negara India banyak sekali. Suara ini sudah banyak disuarakan oleh media-massa Islam peringkat antarabangsa. Kalau soal apartheid telah kita bangkitkan, maka soal diskriminasi yang menimpa umat Islam ini juga perlu diberi perhatian. Tidak berbangkit kita anti India dan sebagainya, tetapi yang penting ialah orang-orang Islam di mana-mana juga khususnya di India dapat menjalani satu kehidupan yang rukun sama seperti yang diberi oleh negara ini kepada penganut semua agama. Diskriminasi terhadap Islam di negara lain banyak mempengaruhi suasana yang ada di dalam negara ini.

Tujuan kita menimbulkan perkara ini juga antaranya supaya harmoni yang ada di negara lain tadi dapat mempengaruhi juga negara kita. Oleh kerana itu saya mencadangkan Kerajaan mengambil langkah-langkah yang bijaksana membincangkan perkara ini dengan India dalam konteks hubungan dua hala dan pada ketika yang sama memikirkan untuk membincangkan perkara ini di kalangan negara-negara OIC. Membincangkan perkara ini dalam Persidangan OIC boleh memberikan kesan dan perlu diingatkan lagi bahawa mengajak OIC membincang dan menyuarakan masalah itu bukan untuk bermusuh dengan India tetapi untuk menggunakan peluang diplomasi itu bagi merapatkan persefahaman dengan India.

Tuan Pengerusi, terlanjur saya sudah menyebut soal OIC ini, saya ingin mendapat penjelasan tentang

sikap negara kita dengan OIC sekarang, tidak seperti yang diharapkan, bahawa OIC tidak dapat berfungsi seperti ketika ia ditaja dalam tahun 1970 dahulu. Dahulu pertubuhan ini sangat cergas dan diharapkan oleh banyak pihak ia dapat memainkan peranan penting dalam diplomasi dunia. Tetapi sekarang badan dunia Islam ini tidak dapat memainkan peranannya. Saya masih berpendirian bahawa OIC amatlah penting bagi perpaduan umat Islam dunia. Ia boleh membincangkan berbagai-bagai masalah untuk memajukan umat Islam.

Kekayaan yang Allah anugerah kepada bumi orang Islam boleh membantu memajukan dunia Islam dan dunia seluruhnya kalau OIC dapat memainkan peranan. Oleh itu OIC perlu dicergaskan dan Malaysia perlu memainkan peranan yang penting untuk menjadikan OIC sebagai pertubuhan yang aktif. Walaupun OIC gagal untuk mendamaikan peperangan antara Iran/Iraq, tetapi ia tidak wajar dijadikan punca untuk mengabaikan dan perlunya OIC digiatkan. Kegagalan OIC untuk meredakan peperangan di Teluk ialah kerana banyak juga negara-negara OIC mengambil bahagian di dalam peperangan ini. Kalau negara-negara anggota membiasakan diri dari terlibat dan bersikap sebagai pendamai mengikut keyakinan Islam, maka peperangan itu sudah lama dapat dibendung. Bagaimanapun, OIC tidak harus tawar hati, perlulah dikaji semula sikap masing-masing dalam peperangan itu supaya dapat memberitahu dunia bahawa masalah orang Islam mesti diselesaikan oleh orang Islam dan OIC jangan membiarkan masalah orang Islam diselesaikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu, Kumpulan Negara-negara Berkecuali ataupun oleh Komanwel. Kalau masalah orang Islam diselesaikan oleh badan-badan di luar Islam, maka penyelesaian itu bercorak

untuk kepentingan luar dan ia belum tentu menguntungkan dunia Islam.

Apabila saya mencadangkan supaya OIC bercergas dan dirombak, ini tidak bererti Malaysia mesti menge-nepikan. . . .

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payah. Ini tidak bererti Malaysia mesti mengene-pikan lain-lain pertubuhan antarabangsa yang disertainya selama ini. Kalau masalah orang Islam. . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Simunjan hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah juga.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau masalah orang Islam sudah dapat diselesaikan oleh OIC, maka OIC dan negara-negara anggota OIC bolehlah membantu lain-lain organisasi bagi menyelesaikan masalah dunia lain. Dengan demikian OIC boleh menjadi satu tenaga yang paling berpengaruh dalam masyarakat dunia dalam kumpulan dunia ketiga.

Tuan Pengerusi, dalam soal politik dan peranan luar ini, walaupun saya tadi telah bercakap banyak mengenai OIC, tetapi ini tidak bererti Malaysia harus menjadi sekutu yang kurang cergas dalam ASEAN. Peranan Malaysia dalam ASEAN yang lebih

cergas adalah mustahak kerana Malaysia adalah negara yang memulakan idea kerjasama serantau di Asia Tenggara ini dahulu. Maka tidaklah wajar Malaysia menjadikan ASEAN kurang penting dari OIC. Banyak peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia untuk menstabilkan rantau Asia Tenggara. Kalau rantau ini menjadi perhatian semua pihak, maka keselamatan Asia Tenggara ini perlu dipertahankan bersama oleh negara-negara rantau ini. ASEAN menjadi pilihan yang terbaik. Apa yang saya mahu ialah ASEAN itu sama penting dengan OIC bagi Malaysia. Bagi Malaysia kedua-dua pertubuhan itu sama jarak dan dengan peranan yang sama cergas.

Kesimpulannya, tujuan Dasar Luar perlulah diperhatikan dari sudut keadilan, dalam tujuan Belanjawan dalam Buku Program dan Prestasi Belanjawan, tidak memperlihatkan keadilan memainkan peranan, tidak tercatat maksud keadilan dalam tujuan Belanjawan itu. Ia menggariskan untuk mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah, kemerdekaan, keselamatan, kepentingan-kepentingan politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial negara melalui amalan diplomatik. Tidak dinafikan apa yang tercatat itu adalah penting tetapi mustahak keadilan adalah lebih penting. Jika keadilan ini tidak ditonjolkan, maka Dasar Luar itu mudah menjerumuskan kita dalam pertelingkahan. Tetapi dengan meletakkan keadilan di tempat yang utama, maka dengan sendiri peranan nafsu dapat dibatasi. Dengan demikian ia tidak berhajat untuk memperalatkan pihak lain untuk kepentingan.

Bagi saya inilah masanya keadilan Islam diperkenalkan. Dengan demikian, Malaysia dapat memainkan peranan dakwah dalam dunia diplomatik. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.30 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Maksud Bekalan 27, Butiran 020000—Politik dan Penerangan.

Ingin saya juga menyentuh ke atas perkara perhubungan dua hala di antara negara kita dan Filipina khususnya kepada satu Rang Undang-undang yang sedang dirundingkan di dalam Dewan Undangan Senate serta Kongres di negeri Filipina. Salah satu perkara yang dikandung dalam Rang Undang-undang ini ialah langkah-langkah supaya tuntutan Filipina kepada Wilayah Sabah akan ditarik balik sejak ini.

Tuan Pengerusi, ingin saya menjelaskan di sini bahawa tuntutan Sabah ataupun tuntutan Filipina kepada Wilayah Sabah merupakan suatu masalah dua hala yang tunggal yang wujud di antara anggota-anggota ASEAN pada masa sekarang. Masalah ini pun lama wujud, yang sudah melonggarkan perhubungan yang lebih erat di antara Malaysia dan Filipina selama 24 tahun ini. Maka ianya pun juga merupakan batu penghalang kepada perpaduan ASEAN serta kerjasama ekonomi serantau ini.

Walaupun saya tidak mahu campur tangan dengan masalah dalam negeri Filipina itu tetapi saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa ianya amat optimistik bahawa Rang Undang-undang ini akan diluluskan di Senate dan Kongres Filipina tanpa pembentangan. Oleh kerana tiga orang senator dari Mindanao telah mengemukakan pandangan mereka bahawa mereka menentang Rang Undang-undang ini dan baru-baru ini

tadi—setengah jam lalu, saya keluar dari Dewan yang mulia ini pun saya dapati dari berita screen bahawa Ketua Pembangkang Filipina, Yang Berhormat Puan J. N. Railay pun menentang Rang Undang-undang ini dan inilah menurut laporan Reuter adalah komen mereka, dengan izin:

“How could we give away such big land almost as big as Mindanao just like that, Senator Damano asked. I think it is unfair. How can we give away something we do not own. Sabah is not owned by Philippines Government”.

Ini logik yang amat mengelirukan.

Menurut bahan-bahan rujukan yang saya ada, Sabah disewakan kepada syarikat-syarikat Eropah pada tahun 1881 oleh Sultan Sulu, maka selepas itu Sabah diisytiharkan protectorate British selepas Peperangan Dunia Kedua, maka tuntutan Sabah oleh Filipina berdasarkan kepada, dengan izin, proprietary rights yang bersejarah (historical). Maka soal pokok dalam hal ini walaupun saya tidak mahu campur tangan dengan hal dalam negeri Filipina tetapi saya merasakan bahawa pandangan rakyat Malaysia harus didengar dan dicatat di dalam Dewan yang mulia ini.

Pandangan saya ialah soal pokok ini adakah kedaulatan Wilayah Sabah bergantung kepada tuntutan bersejarah sahaja ataupun ianya pun bergantung pada zaman moden ini kepada kedaulatan rakyat yang menduduki Wilayah ini yang mana mereka mempunyai kuasa, dengan izin, self determination supaya menentukan untung nasib mereka sama ada rakyat Sabah ini mahu terus menjadi warganegara Malaysia ataupun warganegara Filipina dan ini suatu soalan yang penting selain daripada faktor sejarah.

Menurut sudut ini tidak dapat dinafikan sama sekali bahawa rakyat

Sabah sudah bersuara beberapa kali bahawa mereka berhasrat untuk menikmati kedaulatan mereka sebagai sebahagian Malaysia. Contohnya di dalam fact finding mission United Nations pada tahun 1983 dan juga rakyat Sabah telah menentukan identiti politik mereka secara beberapa pilihanraya umum berjumlah lima pilihanraya umum bahawa mereka memilih cara hidup Malaysia. Maka tuntutan Sabah oleh Filipina ataupun Sultan Sulu menjadi suatu soalan akademik sahaja.

Adalah amat mendukacitakan bahawa tuntutan akademik ini sudah menjadi batu penghalang kepada perhubungan dua hala yang lebih erat di antara Filipina dan Malaysia pada 24 tahun dahulu. Saya harap juga Rang Undang-undang ini yang dibentang di Senate dan Kongres di Filipina akan diluluskan dari segi tuntutan Sabah ini dapat ditarik balik sama sekali sebagai suatu langkah yang positif ke arah kerjasama ekonomi, kerjasama politik di rantau ASEAN ini.

Sebagai sebahagian di dalam satu rancangan diplomatik di antara Filipina dan Malaysia, langkah untuk menarik balik tuntutan Sabah oleh Filipina pun akan mempertingkatkan beberapa bidang yang sekarang menjadi makin mendesak seperti penyeludupan di antara Mindanao dan Sabah khususnya penyeludupan senjata. Penyeludupan senjata telah dibangkitkan oleh pihak Manila. Walaupun saya dengar dalam Dewan yang mulia ini dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bahawa kegiatan ini tidak berlaku tetapi tuntutan satu hala telah dibangkitkan dan saya pun rasa bahawa hakikat Sabah menjadi sebuah negeri yang mempunyai kadar penjenayah yang tinggi, yang mempunyai kadar rompakan bersenjata yang tinggi, mungkinlah

berasal atau berpunca daripada masalah penyeludupan senjata ini. Dengan perhubungan dua hala yang lebih rapat di antara Filipina dengan Malaysia, dengan kerjasama di antara kedua-dua pihak ini memang masalah ini akan diselesaikan.

Di samping itu juga masalah lanun-
lanun dari Mindanao yang selalu mencerobohi sempadan perairan Malaysia untuk kidnap ataupun merompak warganegara Malaysia. Masalah ini pun dapat terus diatasi jikalau perhubungan dua hala akan dipertingkatkan. Juga didapati laporan bahawa MNLF (Moros Nationalist Liberation Front) menjalankan latihan dalam kegiatan perjuangan mereka di negeri Sabah dan laporan ini harus disiasat dengan mendalam untuk memastikan bahawa masalah dalam Mindanao, masalah yang kurang stabil di Mindanao tidak spilled over, dengan izin, kepada Sabah dan perairan di Laut China Selatan ini.

Perkara terakhir yang saya ingin menyentuh ialah berhubung dengan perkembangan politik di Fiji. Saya bagi pihak DAP—pihak Pembangkang rasa bahawa negara kita sepatutnya tidak akan menyokong Fiji di dalam apa-apa forum antarabangsa supaya Fiji ini tidak dipecat daripada Komanwel oleh kerana apa yang berlaku di Fiji ini adalah suatu peristiwa yang menghina amalan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh semua negeri di dalam Komanwel oleh kerana Kolonel Rabuka telah merampas kuasa dengan senjata. Jikalau pihak Malaysia menyokong Fiji supaya Fiji tidak dipecat daripada Komanwel ini, kita ataupun pihak Malaysia akan dianggap oleh semua negara di dunia ini sebagai sebuah negeri yang, dengan izin, endorsed, yang bersetuju dengan sesiapa yang ingin merampas kuasa dengan bersenjata sahaja.

Oleh kerana itu menjadi amat penting Malaysia akan menyuarakan tanpa apa-apa keraguan di dalam persidangan Commonwealth ataupun apa-apa Persidangan Antarabangsa sahaja bahawa Malaysia tidak menyokong pihak yang berkuasa di Fiji sekarang oleh kerana, yang pertamanya kita masih commit kepada amalan demokrasi berparlimen tanpa menggunakan kuasa cara kekerasan, dan yang keduanya bahawa Malaysia mempercayai dengan sistem "Constitutional Monarchy", kita tidak akan menyokong Fiji, kerana Fiji telah mengisytiharkan beliau sendiri sebagai sebuah negara Republik tanpa seorang Raja. Dengan ini, sekian sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Luar Negeri Malaysia, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang berkenaan dengan perbelanjaan bagi Kementerian Luar Negeri bagi tahun 1988, dan saya amat berbangga kerana ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan ini menunjukkan bahawasanya ada Ahli-ahli Yang Berhormat pada akhir-akhir ini telah pun merubah minat dan telah pun menunjukkan lebih minat kepada masalah-masalah antarabangsa dan masalah-masalah yang berkait dengan Kementerian Luar Negeri.

Pada hemat saya ini suatu perkembangan yang sihat dan baik yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat serta rakyat jelata semua sudah lebih

terdedah, sudah lebih berpengetahuan, maka pandangan-pandangan mereka itu telah pun banyak berubah daripada hanya memikirkan ataupun menengok hanya di dalam sahaja telah pula memandang keluar untuk kita buat bandingan, untuk kita buat sebagai contoh dan teladan supaya dapat kita bimbing dan bawa negara kita ini ke arah yang lebih baik, lebih jaya dan lebih maju lagi. Sepertimana contoh-contoh yang baik itu kita buat untuk dibawa pula ke negara kita, mana yang kurang baik, tidak sihat itu pula kita jauhi supaya tidak pula berlaku di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan-soalan yang telah pun dibangkitkan, pertamanya oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas yang telah menimbulkan tentang kesedihan beliau berkenaan dengan terdapat di antara pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri di luar negeri yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris, mahupun bahasa-bahasa lain. Ini pun satu masalah yang telah pun diketahui dan disedari oleh pihak Wisma Putra ataupun Kementerian Luar Negeri dan pihak Wisma Putra, pihak Kerajaan dan Kementerian-kementerian tertentu seperti Kementerian Pendidikan, JPA, MARA dan lain-lain institusi pendidikan telah pun berusaha untuk membetulkan keadaan ini agar lebih ramai lagi penuntut-penuntut kita serta pegawai-pegawai kita akan lebih terlatih dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa lain agar mereka akan lebih fasih, akan lebih merasa yakin dengan diri mereka sendiri supaya mudahlah mereka bertugas di negara-negara asing bagi memperkenalkan negara kita serta mempertingkatkan lagi usaha kita untuk membawa lebih lagi dagangan antarabangsa serta juga mempertingkatkan industri pelancongan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, telah pun membangkitkan

tentang masalah tuntutan negara Filipina ke atas Sabah yang menjadi buah mulut pada ketika ini. Seperti Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pihak Kerajaan setakat ini telah memainkan peranan yang "low profile", dengan izin, tentang masalah ini dan kita tidak mahu menggembar-gemburkan keadaan ini kerana kita mendapat keyakinan atau diberi keyakinan dan kita merasa "confident" bahawasanya pihak pentadbir Filipina telah pun dengan ikhlas sanggup mencari jalan untuk memansuhkan tuntutan negara itu ke atas Sabah seperti baru-baru ini, yang mana Suatu Rang Undang-undang berkenaan dengan Wilayah Filipina dan perairannya telah pun dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Senate di Filipina, dan bukan itu sahaja, bahkan juga kita dapat tahu bahawasanya President Aquino sendiri selaku Ketua Pentadbir telah pun menghantar sepucuk surat khusus kepada President Senate untuk beliau menimbangkan dan mempercepatkan agar penerimaan Rang Undang-undang baru itu dapat dibereskan secepat mungkin dan diperintahnya pihak Senate untuk berusaha sedaya upaya untuk meluluskan Rang Undang-undang ini sebelum sidang Kemuncak ASEAN di Manila pada 14hb dan 15hb Disember akan datang ini.

Saya pun merasa bangga dan bersyukur kerana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, dari Bandar Kuching yang menaruh penuh harapan agar tuntutan Sabah akan dapat dihapuskan buat selamalamanya pada kali ini dan saya sendiri dan Kementerian Luar Negeri Malaysia juga menaruh penuh harapan dan berdoa sentiasa agar ianya akan menjadi satu kenyataan tidak berapa lama lagi iaitu sebelum sidang Kemuncak ASEAN di Manila pada bulan depan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan teguran-teguran dan komen yang telah

pun dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Setar, yang baharu sahaja pulang dari United Nations, saya ucapkan selamat balik. Saya ingin menjawab satu persatu soalan beliau. Yang pertamanya, berkenaan dengan sumbangan Malaysia kepada UNRWA—berkenaan dengan Palestin yang hanya tertumpu kepada jumlah US\$5,000 tiap-tiap tahun sahaja, yang mana pada pendapat beliau itu amat kurang jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Tentulah kita tidak mampu untuk menandingi kontribusi yang diberikan oleh negara-negara seperti U.K. ataupun negara-negara Eropah Barat, tetapi itu merupakan satu sumbangan yang ikhlas daripada Malaysia yang kita kirakan berpatutan selain dari Kerajaan kita memberikan lain-lain sumbangan, lain-lain pertolongan, lain-lain bantuan sebagai sokongan kita terhadap perjuangan orang-orang Palestin. Insha Allah, kalau diizinkan Allah, jumlah sumbangan Kerajaan pada tabung UNRWA ini akan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan peruntukan bagi penerangan luar negeri, tentang sejauh mana kesannya Jabatan ini bagi mengenalkan Malaysia di dunia umum, ini telah pun kita jawab di dalam Dewan yang mulia ini juga beberapa kali oleh ramai pak-pak Menteri kita dan saya hanya ingin menyatakan sedikit bahawasanya ia memang disadari oleh pihak kita semua termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri yang sedar tentang kelemahan kita daripada segi ini dan ini saya fikirkan adalah kelemahan kepada keseluruhan kita, negara dan Kerajaan Malaysia pada masa yang lampau yang tidak begitu memberatkan masalah memperkenalkan Malaysia ataupun dalam bidang perindustrian pelancongan, oleh kerana pada masa lampau kita begitu mewah dengan keadaan hasil-hasil tempatan, komoditi yang begitu

baik harganya sampaikan kita langsung leka dan lupa tentang pentingnya peranan industri pelancongan terhadap sumber pendapatan kepada negara kita. Itu sebab mengapa kita ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Thailand, Filipina, Singapura mahupun Taiwan daripada segi pengenalan di kalangan negara-negara antarabangsa, sebab kita pada umumnya kurang memberi perhatian ataupun keutamaan kepada bidang industri pelancongan pada masa-masa yang lampau. Tetapi sekarang ini sudah pun berubah keadaannya.

Kita telah sedar tentang betapa pentingnya industri pelancongan, lebih-lebih lagi setelah kita tertekan dengan keadaan kemelesetan ekonomi, dengan jatuhnya harga barang-barang mentah keluaran negara kita dan ianya suatu perkara yang walaupun teruk daripada segi ekonomi, tetapi ianya boleh dikatakan sebagai blessing in disguise, dengan izin, dan mereka telah pun menyedari bahawasanya kita terpaksa juga menumpukan perhatian kita kepada bidang pelancongan. Insya Allah, dengan tumpuan yang diberi khusus oleh Kerajaan, dengan wujudnya sebuah Kementerian yang berasing iaitu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan setelah Kerajaan dan Perdana Menteri sendiri telah pun memperuntukkan sejumlah wang yang banyak kepada bidang promosi untuk pelancongan.

Saya yakin dan percaya Malaysia akan lebih terkenal dan lebih dikenali oleh dunia luar. Kita akan dapat bersaing dengan negara-negara lain di rantau ini, selain daripada menarik pelaburan, juga untuk menarik pelancong supaya dapat kita mempertingkatkan pendapatan kita daripada segi pelancongan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi telah

membangkitkan tentang kurangnya penyelarasan di antara agensi-agensi Kerajaan di Seberang laut, dengan adanya berbagai-bagai badan ataupun perwakilan yang tidak diselaraskan oleh mana-mana pihak di luar negara.

Kita semua tahu Kerajaan melalui Mesyuarat Kabinetnya baru-baru ini telah pun memutuskan untuk menganjurkan satu "Konsep Bersepadu" di kalangan agensi-agensi Kerajaan di luar negara dan ia akan bermula pada 1-1-1988 yang akan datang dan pihak Kerajaan telah pun membuat pengumuman dan telah pun mengarahkan Kementerian Luar Negeri serta lain-lain Kementerian yang terlibat dengan perkara ini untuk menyusul langkah dan mengaturkan agar mulai tahun baru ini kesemua badan-badan, agensi Kerajaan di luar negeri akan diubahsuai, akan dibawa ke satu tempat di bawah pengurusan, pentadbiran Ketua Perwakilan kita di luar negeri iaitu di bawah Duta atau wakil negara kita yang akan diberi tugas untuk mengawasi dan mentadbir semua agensi-agensi Kerajaan yang berada di luar negeri. Kita akan cuba membuatkan supaya semuanya ini akan diadakan di satu tempat ataupun satu pusat sebagai one-stop-agency di mana ini akan lebih memudahkan negeri-negeri luar mengadakan misi supaya mudah mereka berhubung, berjumpa, membuat apa-apa kunjungan dan mudah pula diawasi, ditadbirkan oleh seorang ketua yang datangnya daripada Ketua Perwakilan daripada Kementerian Luar Negeri.

Kita percaya dengan sistem dan Konsep Bersepadu ini kita akan lebih competitive, dengan izin, akan lebih sistematik, lebih teratur, lebih baik pentadbirannya untuk kita bertanding, bersaing dengan negara-negara lain untuk merebut peluang-peluang perdagangan dan juga memperingkatkan bidang industri pelancongan ke negara kita.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Beliau telah pun mengungkit masalah Promex Saga yang telah pun kita jawab dalam Dewan yang mulia ini dari masa ke semasa.

Ingin saya menyatakan sekali lagi di sini bahawasanya kejadian membedil kapal perdagangan itu oleh Tentera Udara Amerika Syarikat bukanlah disengajakan oleh tentera yang demikian. Ianya adalah satu kesilapan yang boleh berlaku, yang mana pada ketika itu pihak tentera Amerika sedang menjalankan satu latihan menembak target-target yang sedia ada di tempat yang tertentu itu yang telah pun diumumkan, walaupun kapal Promex Saga ini tidak termasuk dalam kawasan yang telah pun diumumkan sebagai kawasan latihan, tetapi ianya berdekatan dengan sempadan yang berkenaan. Oleh kerana latihan itu berlaku dalam keadaan senja hampir gelap, dan kapalterbang yang digunakan itu hanya menggunakan mata manusia untuk melihat target dan tidak menggunakan apa-apa radar atau sebagainya. Kita diberitahu dan diberi faham bahawasanya pilot yang membawa kapalterbang itu dari jauh menganggap kapal Promex Saga itu sebagai target untuk ditembak sebagai latihan dan telah pun ditembak dan terkena, sebelum menyedari yang itu adalah satu kesilapan.

Saya ingin tekankan bahawasanya bom yang digunakan bukannya jenis explosive, dengan izin, ia tidak meletup hanya shell sahaja, satu peluru besi yang tidak meletup yang mana damage ataupun kerosakan yang berlaku itu hanyalah di atas sebab impact, bukan disebabkan oleh explosion.

Seperti yang kita tahu pihak Angkatan Tentera Udara Amerika

telah pun mengaku kesilapan itu dan telah pun memohon maaf kepada Kerajaan Malaysia, juga Jepun yang mana pengawasan umumnya dikenali oleh Kerajaan negeri Jepun, dan mereka sedang berbincang, juga berunding untuk memberi pampasan kepada Syarikat Perkapalan Promex Saga di atas kesilapan yang telah pun dilakukan.

Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan Malaysia seperti yang diumumkan tempoh hari telah pun menyampaikan perasaan yang amat berat. Pandangan kita terhadap kesilapan itu telah kita sampaikan kepada kedua-dua Kedutaan Amerika Syarikat serta juga kepada Kedutaan Jepun. Kita harap perkara itu tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga menyebut tentang O.I.C. yang mana kita semua tahu satu badan antarabangsa negara-negara Islam yang Malaysia memainkan peranan yang penting pada awal-awalnya bagi pengwujudan dan Alhamdulillah hari ini masih lagi beroperasi ataupun berfungsi dengan baiknya daripada segi mengawasi dan menjaga kepentingan negara-negara yang menjadi ahli, tetapi malangnya ada juga setengah-setengah masalah yang belum dapat diselesaikan dan diatasi oleh pertubuhan yang disebutkan tadi.

Malaysia sememangnya aktif dalam pertubuhan ini, terutamanya dalam aktiviti-aktivitinya yang berkaitan dengan perdagangan, ekonomi dan kebudayaan dan ini dihargai oleh OIC sendiri. Malaysia juga masih menganggotai Jawatankuasa Damai Islam untuk berusaha menamatkan perang Iran dan Iraq walaupun usaha-usaha ini tidak mencapai sebarang kemajuan pada peringkat ini.

Sebenarnya, pada umumnya OIC masih cergas di dalam menjalankan aktivitinya tetapi ada pihak yang

merasa ianya tidak aktif kerana peperangan Iran-Iraq gagal diselesaikan, tetapi aktiviti-aktiviti lain masih terus dilaksanakan dengan cergas. Umpamanya, kerjasama di dalam bidang perdagangan dan pengangkutan di mana Malaysia menghadiri mesyuaratnya baru-baru ini di Turkey. Pada awal bulan hadapan OIC juga akan mengadakan mesyuaratnya di antara Menteri-menteri Pertanian juga di Turkey. Dan pada bulan lepas pula satu rangkaian kerjasama di dalam bidang perubatan tropika telah ditubuhkan dalam mesyuarat yang dianjurkan oleh Malaysia sendiri.

Tuan Pengerusi, mengatakan orang itu tidak cergas itu kurang tepat, pada hemat saya, walaupun seperti yang saya jelaskan tadi ada perkara-perkara yang belum dapat diselesaikan oleh OIC, malah badan antarabangsa yang lain pun seperti UN yang kita harapkan dapat mengatasi masalah peperangan Iran-Iraq juga mendapat keadaan yang buntu dalam penyelesaian masalah Iran-Iraq.

Walau bagaimanapun, kita masih menaruh penuh kepercayaan dan penuh harapan agar pihak Bangsa-bangsa Bersatu akan terus berikhtiar untuk mencari jalan bagi mempercepatkan segala usaha untuk menamatkan peperangan Iran-Iraq yang telah pun begitu lama berlanjutan.

Tuan Pengerusi, kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya mengucapkan terima kasih di atas penglibatan beliau dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dalam peringkat Jawatankuasa dan beliau banyak mengambil masa memberi pendapat berkenaan dengan masalah hubungan dua hala Malaysia dan Filipina dan pada umumnya beliau juga sama pendapat dengan Kerajaan tentang pentingnya tuntutan Negeri Filipina ke atas Sabah ini diselesaikan

seberapa cepat yang mungkin dan sama-samalah kita tunggu, hanya bulan hadapan sahaja untuk kita mendapat kepastian.

Saya penuh yakin dan penuh percaya bahawa masalah itu akan dapat diselesaikan walaupun ada beberapa orang Senator dan mungkin Ahli-ahli Kongres yang akan menentang Rang Undang-undang ini, tetapi pada umum saya percaya dan saya yakin ianya akan dapat diatasi. Lebih-lebih lagi selepas pihak Kementerian Luar dapat bertemu dan berjumpa dengan Setiausaha Luar Filipina baru-baru ini iaitu Encik Raul Manglapus yang mana beliau telah pun menyatakan kepada pegawai-pegawai daripada Kementerian Luar Negeri bahawasanya apabila isu Sabah claim ini dibuat mula-mula lagi lebih daripada 24 tahun yang lalu oleh bekas Presiden Filipina yang dahulu Macapagal, kalau tidak silap saya, beliaulah merupakan yang ulung-ulungnya menentang tuntutan-tuntutan Negeri Filipina ke atas Sabah. Awal-awal lagi beliaulah merupakan jaguh yang menentang tuntutan-tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Sekarang ini Alhamdulillah beliau telah menjadi Setiausaha Luar ataupun Menteri Luar Kerajaan Filipina, tentu sekali beliau ingin melihat tuntutan itu diselesaikan secepat mungkin dan kita juga yakin dengan pentadbiran dan pendirian Presiden Aquino sendiri yang begitu consistent, dengan izin, daripada segi polisi beliau dalam mentadbirkan Negeri Filipina. Dengan adanya ketua, pemimpin—penting. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri ini mengenai dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah kerana ini merupakan satu topik yang menarik dan lama iaitu atas alasan serta butir-butir kandungan yang bagaimanakah yang menyebabkan Timbalan Menteri begitu yakin bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah ini akan digugurkan. Bolehkah diceritakan isi-isi kandungan dan juga pandangan-pandangan Macapagal sendiri di atas tuntutan-tuntutan ini? Mohon penjelasan!

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Pengerusi, sebentar tadi pun Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada sedikit sebanyak memberi penerangan tentang sejarah tuntutan negara Filipina ke atas Sabah dan ianya adalah satu perkara yang saya setuju pada akademik sahaja asas-asas yang kukuh dan tertentu belum dapat kita lihat, belum dapat kita kenal pasti sebab mengapa pihak Kerajaan Filipina sekarang ini telah pun bersetuju pada umumnya, pada prinsipnya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Negeri Sabah. Untuk Ahli Yang Berhormat hendak tahu dengan lebih detail lagi, saya boleh beritahulah. Oleh sebab terlampau panjang sangat yang saya hendak bincangkan dalam Dewan ini, saya boleh beri kalau perlu sejarah tentang tuntutan Negeri Filipina ke atas Sabah telah pun diwujudkan selama 24 tahun yang lampau.

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit. Dipercakapan orang ramai, terutama di kalangan umat Islam di negara kita. Saya hendak dapat tahu sejauh mana

kebenaran ataupun berasas atau tidak berasasnya percakapan ini, iaitu sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa soal pengguguran tuntutan ke atas Sabah ini buat pada masa sekarang merupakan satu perbincangan akademik, kalau tidak silap saya, sebagaimana yang dikatakan. Tentang kedudukan negara Filipina sebagai sebuah negara Kristian, kemudian berekoran dengan kedudukan politik di Sabah yang sekarang ini dipegang oleh Ketua Menteri yang terdiri dari orang Kristian.

Dan percakapan mengatakan bahawa apabila ini digugurkan, ianya tidak mempunyai satu asas yang kukuh, kerana penguatan terhadap hubungan Kristianiti itu sendiri dan dinyatakan bahawa kemenangan sokongan yang diberikan kepada Kerajaan Sabah oleh Persatuan Gereja Sedunia dan dia juga merupakan satu perhubungan yang baik di antara adik kepada Ketua Menteri Sabah dengan Presiden Corazon Aquino. Jadi tidak nampak bagaimana tuntutan itu dapat digugurkan dengan begitu mudah kerana sentimen keagamaannya begitu kuat dan cita-cita Kristian mahu menjadikan Sabah sebagai satu base untuk penyiaran Kristian di rantau Asia Tenggara dan juga lebih-lebih lagi di Malaysia ini sendiri. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, setakat yang saya tahu tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak ada kena mengena langsung dengan keagamaan, baik Islam ataupun Kristianiti dan juga untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, tiga Senator yang membangkang pengguguran tuntutan itu yang paling

vocal, dengan izin, adalah seorang muslim daripada Mindanao. Pada hemat saya ini satu kes yang jelas bahawasanya ianya tidak ada kaitan dengan agama mana-mana sekalipun.

Tuan Pengerusi, itulah sedikit sebanyak dapat saya menjawab sebagai response kepada soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching tadi berkenaan dengan masalah perhubungan dua hala Malaysia/Filipina. Saya sekali lagi mendoa agar ianya akan dapat diselesaikan buat selama-lamanya, insya Allah, tidak lama lagi pada bulan depan.

Keduanya, beliau juga tadi menyebut tentang penyeludupan senjata di perairan di antara Sabah dan Filipina yang mana walaupun pihak Kerajaan Malaysia tidak mengakuinya secara rasmi sebab ianya tidak pernah pun dilaporkan oleh mana-mana pihak secara rasmi dan kita harap perkara itu sebagai perkara yang mungkin berlaku sebagai perkara-perkara yang tidak dapat kita percaya sepenuhnya kecuaililah ada satu laporan rasmi yang dipanjangkan kepada Kerajaan untuk dapat kita menyiasat dengan lebih mendalam lagi. Jadi, pada umumnya, saya percaya pihak Kerajaan Filipina pun telah menyatakan bahawasanya mereka ingin mendapat kerjasama daripada Kerajaan Malaysia untuk berpakat mengawasi sempadan dua-dua buah negara agar perkara-perkara seperti penyeludupan senjata, lanun-lanun dan sebagainya dapat dikurangkan dan Kerajaan kita menyatakan bahawasanya kita boleh bincang, kita boleh berpakat untuk berkongsi bekerja mengawasi sempadan tetapi tuntutan Sabah itu perlu digugurkan dahulu sebelum kita boleh berpakat. Insya Allah, selepas pengguguran tuntutan Sabah itu dilaksanakan saya yakin kedua-dua buah negara akan lebih mudah berbincang, berpakat, bekerjasama

untuk mengatasi lebih banyak lagi masalah termasuklah masalah sempadan di antara Malaysia (Sabah) dan Filipina.

Yang akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi menyebutkan tentang negara Fiji yang mana beliau mengatakan iaitu DAP tidak menyokong stand Kerajaan dalam kenyataan Perdana Menteri semasa dan selepas menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Vancouver, dan ini kepada saya perkara biasa apa sahaja Kerajaan buat tentu DAP tidak bersetuju. Saya tidak mahu komen daripada itu tetapi hanya menyatakan bahawasanya Kerajaan menyuarakan tentang patutnya Komanwel tidak begitu tergesa-gesa menyingkirkan Fiji daripada Komanwel di atas pertimbangan perikemanusiaan, di atas pertimbangan kepentingan rakyat jelata yang ada di negara itu dan di atas pertimbangan kawasan serantau yang perlu diambil berat oleh kita yang mana tak mungkin tidak difahami oleh negara-negara yang jauh seperti Britain dan sebagainya.

Akhir-akhir ini juga kita dapati bahawasanya mengikut perkembangan semasa sudah lebih banyak negara yang lain juga perlahan-lahan cuba mengikut jejak langkah yang dibuat oleh Malaysia. Kita tahu bahawa walaupun Australia dan New Zealand, negara-negara yang paling dekat dengan Fiji, walaupun mereka daripada awalnya menentang keras tindakan yang dibuat oleh Kol. Sitiveni Rabuka itu tetapi mereka tidak pun sanggup memutuskan langsung perhubungan negara mereka dengan Fiji, masih ada lagi pertalian, walaupun tidak ada lagi perhubungan, di antara mereka dengan negara Fiji. Maka tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia itu kita fikirkan adalah satu tindakan yang bijak, yang berpandangan jauh dan kita ingin

melihatkan bahawasanya negara-negara yang sedemikian tidak dibiarkan sendiri untuk mengatasi masalah-masalah yang boleh membawa kepada ketidakstabilannya suasana dan keadaan di kepulauan Pasifik yang boleh membawa pula keadaan yang tidak baik di rantau ASEAN ini.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang dapat saya jawab dan dapat saya catat sebagai response saya kepada perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya percaya saya tidak dapat menjawab seratus peratus apa yang telah pun diutarakan, disoalkan dan dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan insya Allah saya percaya dan saya yakin pegawai-pegawai Kementerian Luar berselerak ada di Dewan yang mulia ini akan mengambil tindakan dan syor-syor dan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu tetap akan diambil kira dan tindakan akan diambil dari semasa ke semasa. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$119,748,400 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$119,748,400 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,100,000 yang disebutkan dalam Maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,100,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi

sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32 (Jadual)—

Maksud P.28, P.31 dan P.57 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.28 hingga B.32 dan Kepala Pembangunan P.28, P.31 dan P.57 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Seputeh.

5.18 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030000, muka surat 150, di bawah program Pungutan Cukai-cukai.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini Jabatan Hasil Dalam Negeri sedang mengejar pertumbuhan-pertumbuhan yang bukan menjalankan perdagangan supaya membayar cukai pendapatan yang belum dibayar. Cukai-cukai pendapatan mereka masih belum dibayar kerana mereka merasa bahawa bangunan-bangunan mereka yang biasanya digunakan untuk bermesyuarat dan menjalankan aktiviti-aktiviti tidak menghasilkan apa-apa pendapatan jua tidak perlu dibayar cukai ke atasnya. Menurut pengaduan yang dibuat oleh beberapa pertumbuhan tersebut wang cukai pendapatan yang hendak dibayar oleh mereka adalah berjumlah beberapa puluh ribu ringgit. Akibatnya mereka terpaksa menghadapi kesulitan kewangan yang amat serius. Mereka benar-benar menyeru kepada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya mengecualikan bangunan-bangunan mereka daripada bayaran cukai pendapatan tetapi diberitahu bahawa mengikut Undang-undang Cukai Pendapatan yang sedia ada iaitu Akta

Cukai Pendapatan 1967 pengecualian itu tidak boleh dibuat.

Di sini saya menyeru Kementerian Kewangan supaya dapat membuat pindaan-pindaan ke atas Akta ini supaya dikecualikan cukai pendapatan ke atas bangunan-bangunan yang digunakan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan mencari untuk bagi tujuan bermesyuarat dan menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Tentulah langkah ini akan membantu mereka mengatasi masalah kewangan yang mereka hadapi sekarang.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran yang sama saya ingin menyentuh perkara masalah pengangguran yang serius berlaku sekarang telah mengakibatkan ramai penganggur membuat pekerjaan sendiri. Menteri Kewangan menyatakan bahawa kemasukan baru dalam pasaran buruh mestilah bersedia mencari pekerjaan sendiri. Satu cara untuk mencapai tujuan ini ialah dengan menjadi peniaga kecil atau pemandu teksi. Orang-orang yang bekerja sendiri seperti peniaga kecil atau pemandu teksi pada hari ini dikenakan cukai pembangunan 5% jika pendapatan mereka melebihi \$5,000 setahun. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbang kenaikan had pengecualian cukai pembangunan dari \$5,000 ke \$8,000 bagi memberi pelepasan kepada mereka yang bekerja sendiri, terutamanya mereka yang mempunyai keluarganya untuk dijaga.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 010000, muka surat 141 di bawah Pentadbiran.

Pada 15hb Oktober tahun ini saya pernah meminta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pengarah-pengarah syarikat-syarikat yang

lambat atau tidak membayar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dihukum mengikut undang-undang. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa mengikut undang-undang yang sedia ada, pengarah-pengarah yang berbuat demikian boleh didakwa. Beliau juga memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk menjaga kepentingan kaum pekerja yang merupakan ahli KWSP.

Di sini saya hendak merujuk kepada kes sebuah syarikat lombong di Chenderiang, Perak untuk membuktikan kelalaian dan sikap tidak bertanggungjawab Jabatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Nama syarikat itu ialah Syarikat Lombong Eng-Eng. Saya difahamkan bahawa dari tahun 1982 ke tahun 1985 jumlah wang simpanan pekerja yang perlu dibayar oleh syarikat tersebut berjumlah \$58,940. Malangnya syarikat ini sama sekali tidak membuat sebarang pembayaran, akibatnya beberapa puluh pekerja dari syarikat tersebut mengalami kerugian yang besar. Kemudian saya telah difahamkan bahawa syarikat ini telah ditutup akibat dari kemelesetan ekonomi. Walaupun Jabatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja benar mengambil tindakan-tindakan yang mengarahkan syarikat tersebut supaya menyegerakan bayaran wang simpanan pekerja, langkah-langkah tersebut tidak mendapatkan hasil oleh kerana syarikat tersebut telah ditutup dan tidak mampu membuat sebarang bayaran. Jika sekiranya pihak KWSP bertindak terlebih awal lagi, saya percaya perkara sebegini tidak akan berlaku.

Di sini saya ingin meminta Kementerian Kewangan menyatakan:

- (i) apakah sebabnya Jabatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak menjalankan siasatan ke atas syarikat

tersebut pada masa syarikat tersebut masih beroperasi, iaitu dari tahun 1982 ke tahun 1985;

- (ii) siapakah yang akan bertanggungjawab atau membayar pampasan kepada beberapa puluh pekerja syarikat tersebut yang telah kehilangan wang mereka akibat kelalaian pihak KWSP.

Demi kepentingan ahli-ahli KWSP, saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah. . . .

Dato' Abdullah Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bangun, hendak apa?

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, bukan hendak balas ini, tetapi saya rasa tidak ada kuorum.

Tuan Pengerusi: Sila bilang. 19 orang—tak ada kuorum. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir.*)

Tuan Pengerusi: 29—sudah ada kuorum. Sila sambung Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, ucapan saya pun hampir habis (*Ketawa*). Saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengelakkan apa yang terjadi kepada pekerja-pekerja syarikat lombong Eng-Eng berulang lagi.

Dengan ini, diucapkan ribuan terima kasih.

5.29 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, sekali lagi saya bangun dalam Dewan ini untuk menyentuh P.28, Butiran 00600 muka surat 143, Bank Simpanan Nasional.

Tuan Pengerusi, Bank ini adalah satu skim dikuasai oleh Kerajaan dan ia mendapat sambutan dari seluruh lapisan rakyat. Tidak dinafikan ia mempunyai banyak faedah kerana ibubapa yang bertanggungjawab dan mampu menggunakan BSN ini bagi anak-anak mereka menyimpan wang. Kalau kanak-kanak yang belum tahu bersekolah sudah mempunyai buku akaun dalam Bank ini. Rakyat sekarang mulai faham akan angkara bunga ataupun riba dan ramai yang kecewa dan hampa kerana tiada langkah-langkah yang diambil oleh BSN ini untuk menghindarkan penyimpan-penyimpannya terbabat dengan bunga ini.

Ketika sistem menyimpan wang melalui Post Office, orang tidak kenal dengan skim simpanan yang boleh membebaskan mereka dari riba, tetapi Bank Islam telah membuka jalan bahawa riba boleh dihindarkan dengan Bank tersebut membuat laba, malah Bank Islam juga ada skim menyimpan seperti Bank Simpanan Nasional ini. Kalau Bank Islam sudah menunjukkan yang perjalanannya telah dapat menjalankan perniagaan bank yang menguntungkan dan telah dapat pula mengeluarkan zakat, malah perkhidmatannya memenuhi beberapa keperluan orang ramai walaupun ada lagi yang perlu dibaiki.

Sudah tiba masanya bagi Bank ini mengambil langkah menasabah mengubah coraknya supaya ia menjalankan simpanan yang bebas daripada riba. Bank-bank lain juga wajib mengambil langkah yang sama supaya rakyat di negara ini dalam jangka waktu yang singkat nanti tidak lagi menghadapi angkara riba ini. Saya mencadangkan lagi cepat Bank Simpanan Nasional mengambil langkah itu, adalah lebih baik kerana perkhidmatan bank ini adalah menyeluruh di segala ceruk rantau negara ini dan orang terlibat dengannya juga ramai. Kiranya

langkah ini tidak diambil oleh Bank Simpanan Nasional, maka ia tidak membantu rakyat dan Kerajaan bagi mencari keredhaan Allah.

Tuan Pengerusi, P.28 juga Butiran 01600—Bank Islam Malaysia Berhad. Dalam Anggaran Belanjawan 1988 ini, ia cuma diberi token sahaja \$10.00 kerana bank itu sudah berjalan sendiri mempunyai keuntungan. Bank ini sudah pun bersaing dengan lain-lain bank. Satu perkara yang menjadi sungutan umum ialah berhubung dengan pinjaman membeli harta, misalnya membeli rumah. Rumah yang dibeli melalui perkiraan Bank Islam pada kiraan akhir harganya sekadar jumlahnya dengan rumah yang dibeli melalui pinjaman bank biasa setelah dicampuri jumlah bunga yang dikenakan. Cuma melalui pinjaman Bank Islam. . . .

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun, ya. Hendak beri jalan?

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:
Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Barangkali kurang dengar. Saya tidak kata Bank Islam ada bunga. Tolong dengar dahulu. Cuma melalui pinjaman Bank Islam ada akadnya dan kita tahu jumlah yang kita kena bayar seluruhnya. Ketika perkiraan dibuat, Bank Islam memberitahu harga yang kena bayar, sedangkan bank biasa kita diberitahu tentang bunganya dan beberapa jumlah bunganya tidak diketahui, kecuali sesudah selesai

ansurannya. Tetapi yang disungutkan itu ialah tingginya keuntungan yang diambil oleh Bank Islam ke atas pembeli. Orang bersungut kerana orang tahu harga asal dan jarak dengan harga yang diberi oleh Bank Islam itu sangat ketara, sedangkan bank biasa walaupun jumlah bunga tidak dinyatakan, kadang-kadang lebih tinggi dari jumlah yang kita kena bayar kepada Bank Islam kerana kita tidak hitung dan jumlahkan bayaran keseluruhannya, maka tidak ramai yang bersungut. Cuma yang disungutkan itu ialah bunga, dan bunga itu menindas. Tetapi bila harga yang kena bayar kepada Bank Islam itu ketara tingginya, maka orang bersungut bahawa ada bunga kita kena bayar tinggi, tidak ada bunga pun kena bayar tinggi juga. Jadi, apalah bezanya antara bunga dengan tidak bunga?

Saya faham masalah yang ada pada Bank Islam ialah hendak menjaminkan bank itu untung dan mesti bersaing dengan bank lain, maka ia mengenakan keuntungan yang demikian rupa. Kalau ia tidak buat demikian, ia bimbang dengan masa depannya tidak boleh bersaing dengan bank-bank lain. Fikiran yang ada pada Bank Islam setakat ini ialah bagaimana hendak membebaskan pelanggan-pelanggannya dari riba dan beberapa kemudahan lain.

Misalnya kalau dalam ansuran nanti tersangkut beberapa kali, maka tidak ada tambahan bayaran harga rumah adalah sama harga walaupun kemudahan itu difahami, tetapi tingginya harga tadi tetap dirasakan beban oleh pengguna. Beban dari bank riba selain daripada tertindas oleh bunga yang menyebabkan dia terpaksa membayar tinggi dan rumahnya kurang selamat ialah dosa dari riba itu sendiri. Dosa riba itu tidak dirasakan semasa hidup ini. Yang dirasakan dari penindasan itu ialah beban hutang yang terpaksa

dibayar bersama bunga dan risiko rumah atau harta dirampas kalau tidak terbayar.

Sebagai pengguna, saya pasti menyatakan bahawa kita hendakkan barang yang murah bayarnya. Harga yang murah itu merihgankan pengguna. Harga yang tinggi adalah membebakan pengguna walaupun dia terlepas daripada dosa bunga. Dia tetap memikul beban dari harga yang tinggi. Rayuan saya ialah supaya Bank Islam memikirkan supaya nilai keuntungan yang dikenakan jangan dibandingkan dengan jumlah bunga yang dikenakan dari bank lain. Kalau perhutangan dibuat mengikut jumlah bunga juga walaupun kita tidak mengenakan bunga, tetapi dipengaruhi oleh fikiran bunga juga.

Apa yang kita tahu dan apa yang kita tidak mahu ialah nantinya orang memperlecehkan Islam. Mereka memperlecehkan Bank Islam dengan menyamakannya dengan bank-bank riba. Kalau yang diperlecehkan itu sekadar bank itu sahaja mungkin kita boleh memahaminya, tetapi yang diperlecehkan itu Islam itu sama. Maka kita akan sama-sama merasa sedih. Saya mengira perjalanan Bank Islam ini juga adalah berunsur dakwah juga. Ada tujuan-tujuan untuk menyampaikan tentang kebaikan Islam dan juga hendak mengenalkan Islam.

Saya mencadangkan supaya diatasi hal ini supaya terhindar fitnah dan orang akan tertarik dengan sistem Islam dan banknya. Kalau yang dipentingkan keuntungan, menarik pelanggan yang lebih ramai melalui harga yang meringankan, pada jangka panjangnya memberi keuntungan yang banyak juga pada keseluruhannya, mungkin timbul pada bank ialah ia memerlukan pusingan modal yang secukupnya. Kalau harga itu direndahkan maka pusingannya

nanti tidak sempat untuk menyaingi bank lain atau tidak padan dengan perkhidmatannya.

Kalau inilah alasannya, maka saya syorkan perlunya Kerajaan modalkan bank ini ataupun meminjamkannya dengan cara tanpa bunga supaya ia boleh menampung keperluannya. Bagi memastikan Bank Islam berjaya dan pelanggannya tidak dibebankan dengan harga yang tinggi bagi menghindarkan fitnah dan bagi mengelakkan Islam diperlecehkan, Kerajaan kena bersedia memberikan peruntukan lain, peruntukan lagi seperti yang diperuntukkan kepada ketika dimulakan dahulu. Kalau anggaran harga projek yang diperuntukkan, kalau anggaran harga projek mula-mula tahun 1981 dahulu kerana membuat peruntukan \$30,000,020 dan bayaran sebenar dari tahun 1981 hingga 1985 adalah \$30 juta maka perlulah ditimbangan anggaran projek baru bagi tahun 1986 hingga 1990 bagi membolehkan bank ini mengimbangi keperluan laba dengan keperluan perkhidmatan. Dengan demikian orang Islam dan orang bukan Islam dapat melihat Islam itu suatu sistem yang meringankan manusia, bukan sekadar bercerita tentang dosa-pahala dan tentang balasan dosa.

Umat Islam mahu menikmati kemudahan hidup di dunia sama seperti yang lain. Kalau sistem Islam juga terus memikul beban, nanti orang tidak dapat melihat di mana letaknya yang dikatakan Islam itu memerdekakan penganutnya dan di mana dikatakan Islam tidak menindas.

Tuan Pengerusi, P.28 juga iaitu Butiran 01800—Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd.

Dalam Belanjawan dan pembangunannya, Kerajaan memperuntukkan \$1 juta sahaja sebagai Perbelanjaan sebenar tahun 1981 hingga 1985. Sesudah itu ia tidak

lagi mendapat peruntukan Kerajaan mengikut Belanjawan yang dibentangkan pada kita. Saya memujikan Kerajaan dalam projek seperti ini. Kerajaan berbelanja sekadar \$1 juta sahaja dan sesudah itu ia dapat berkembang sendiri. Kerajaan tidak lagi terpaksa mengeluarkan peruntukan baru, kecuali projek itu perlu diperbesarkan mengikut program yang sama-sama kita dapat fahami.

Saya bersyukur pada Allah s.w.t. terhadap perkhidmatan Takaful ini yang dalam beberapa hal telah menyelesaikan beberapa keperluan rakyat, khususnya orang Islam dalam urusan insuran. Orang Islam terlepas dari belunggu dosa.

Tuan Pengerusi, saya memuji Takaful kerana dengan peruntukan \$1 juta, ia terus berdikari. Saya percaya ia sudah tentu dapat mengeluarkan zakat. Banyak juga agensi Kerajaan yang menjalankan urusan perniagaan tetapi terus-menerus mendapatkan peruntukan Kerajaan, seperti LUTH misalnya, seperti PKNS, walaupun menjalankan perkhidmatan komersial, masih perlukan bantuan Kerajaan, tetapi Takaful sudah mampu berdikari. Kalau ia tidak mampu berdikari, tentulah bagi 1988 nanti ada peruntukan baru. Sudah dua tahun ia tidak diberikan apa-apa peruntukan dari Belanjawan sejak tahun 1986. Bagaimanapun, saya masyghul mengapa Takaful masih kurang sambutan dari orang ramai termasuk orang bukan Islam sekalipun Takaful itu dapat memberikan faedah yang lebih baik dari syarikat insurans lain, premium bagi insurans kenderaan tidak hilang, ada dividen, ada saham dan sebagainya. Pelanggan tidak bimbang ia tertipu kerana Takaful adalah badan yang Kerajaan mempunyai saham.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap sudah lebih 10 minit, bolehkah gulung?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan selain daripada Kerajaan telah melakukan usaha yang boleh melepaskan khususnya orang Islam daripada punca-punca yang terlibat dengan haram tetapi masih ada lagi perkara-perkara yang menjadi beban dan juga perkara-perkara yang ada berkaitan dengan masalah-masalah yang bercanggah dengan pendirian kita.

Oleh itu, selain daripada saya menyokong, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan dengan beberapa perkara yang saya bangkitkan sekejap tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.42 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana peluang ini diberi kepada saya untuk saya membincang sama di atas Belanjawan 1988. Apa yang saya akan rujuk di sini ialah Maksud Pembangunan P.31, Butiran 00100 Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman.

Apa yang kita nampak di sini, alhamdulillah, anggaran bagi tahun 1988 lebih meningkat kalau dibandingkan dengan anggaran 1987. Apa yang saya ingin sentuh di sini bahawa kebanyakan Pejabat-pejabat Kastam yang ada di negara kita ini agaknya bangunan-bangunan yang telah lama yang sepatutnya dapat peruntukan baru supaya bangunan-bangunan itu dapat dibarukan, lebih-lebih lagi juga bertambahnya pegawai-pegawai Kastam daripada masa ke semasa, maka keselesaan pejabat-pejabat tidak lagi sesuai dengan pertambahan pegawai-pegawai daripada masa ke semasa itu dan juga rumah-rumah kediaman mereka pun

agak tidak sesuai lagi kerana rumah-rumah yang dibina di masa enam puluhan dahulu kemungkinan tidak begitu luas dan bangunan pun tidak begitu selesa. Oleh kerana penambahan pegawai-pegawai itulah, maka rumah-rumah kediaman mereka patut juga menjadi perhatian bagi pihak Kerajaan.

Apa yang saya contohkan di sini ialah masalah Pejabat Kastam dan rumah kediaman mereka yang ada di kawasan Rantau Panjang. Rantau Panjang sebagaimana dimaklumi adalah pintu masuk sempadan daripada Thai ke Malaysia, maka sudah tentu pegawai-pegawai Kastam yang ditempatkan di Rantau Panjang ini lebih ramai daripada kawasan-kawasan lain. Maka apa yang saya nampak bahawa Pejabat Kastam Rantau Panjang buat masa ini tidak lagi sesuai dengan keadaannya kerana pejabat itu dibangunkan lebih kurang dalam tahun enam puluhan sedangkan pegawai Kastam di masa itu tidak begitu ramai. Di samping pegawai Kastam, di pejabat itu juga diadakan pegawai-pegawai daripada UPP, UKK dan sebagainya dan juga pegawai-pegawai Imigresen pun sama ditempatkan di pejabat yang sama.

Memandangkan keadaan berbagai-bagai agensi Kerajaan—pegawai Kastam, Imigresen, UPP dan sebagainya ditempatkan di bangunan itu, maka sudah tentu bangunan yang ada sekarang tidak menjadi selesa kepada pegawai-pegawai yang bertugas di situ. Oleh hal yang demikian bagi pihak saya sebagai Wakil Rakyat kawasan Rantau Panjang menyeru pihak Kementerian Kewangan supaya dapat memperuntukkan bekalan untuk bangunan Pejabat Kastam di kawasan Rantau Panjang.

Mengenai dengan rumah-rumah kediaman mereka, alhamdulillah, nampaknya rumah bagi kediaman

pegawai-pegawai Kastam Rantau Panjang baru pun siap lebih kurang dalam 3-4 blok dan 3-4 tingkat. Walaupun bangunannya baru siap tetapi apa yang saya nampak masih ramai lagi pegawai-pegawai Kastam yang terpaksa menyewa rumah-rumah di luar kawasannya disebabkan perumahan-perumahan untuk mereka pun belum lagi mencukupi.

Itu sebagai satu contoh di kawasan Rantau Panjang dan kemungkinan besar di kawasan-kawasan lain umpamanya Pengkalan Kubor, di Kota Bharu sendiri pun kemungkinan besar Pejabat Kastam pun tidak begitu sesuai dan bangunan rumah-rumah kediaman mereka pun tidak begitu sesuai. Dengan hal yang demikian peruntukan yang dianggarkan bagi tahun 1988 ini diminta supaya peruntukan ini dapatlah diberi keutamaan terutama sekali kepada pihak pegawai-pegawai Kastam yang ada di Kelantan khasnya terutama sekali di kawasan Rantau Panjang. Ini yang paling penting sekali di kawasan saya.

Oleh hal yang demikian saya sokonglah di atas anggaran Belanjawan 1988 ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kok Lanas.

5.47 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.28, 1:3 Penyemakan Cukai, 1:1:1 Pejabat Menteri dan 1:1:3 Pejabat Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Mereka yang mengharapkan sesuatu yang luar biasa daripada Belanjawan tahun 1988 memang berangan-angan dan mimpi siang hari. Mereka seolah-olah juga tuli terhadap kenyataan-kenyataan Kerajaan yang berulang kali mengatakan bahawa

Kerajaan tidak boleh mengembangkan ekonomi dengan tabung pembangunannya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Mereka nampaknya tidak faham tentang falsafah di belakang perlunya kita bergantung kepada sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi. Dengan kurangan Belanjawan, Kerajaan tidak boleh terus-menerus meminjam untuk membiayai projek-projek pembangunan seolah-olah "esok akan tiada lagi".

Tuan Pengerusi, perkara suka meminjam ini adalah kemuncak daripada sikap tidak bertanggungjawab. Kerajaan boleh jatuh bankrap atau muflis. Tindakan ini seolah-olah kita mahu memindah masalah yang kita hadapi sekarang kepada keturunan kita yang akan datang. Oleh yang demikian, biarlah saya memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana menolak tarikan untuk mendapat populariti dengan cepat tanpa memikirkan tentang akibat jangka panjang. Saya juga kagum dengan bekas Menteri Kewangan dan rakan sejawat saya dari Blok C ini (Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah) yang memuji Belanjawan 1988. Katanya: "Budget tahun depan kena pada tempatnya."

Tuan Pengerusi, pengurusan kewangan yang baik kadang kala boleh menjadi satu tugas yang tidak mendapat pujian. Dilihat dari satu segi yang lain pada ketika pendapatan negara sedang jatuh akibat kelembapan ekonomi, Menteri yang berkenaan memang berusaha untuk menjadikan pelaburan lebih menarik tanpa mengira cukai keuntungan lebihan yang telah dipotong 3% daripada 48% had maksima tanggungan cukai koporat.

Tuan Pengerusi, saya sangat gembira penurunan 3% ini walaupun saya lebih seronok lagi kalau ia

diperturunkan banyak lagi. Tetapi kita harus realistik. Saya telah bercakap tentang betapa tingginya cukai koporat kita di Dewan yang mulia ini tahun lepas dan saya berterima kasih kepada Menteri Kewangan kerana telah mendengar rayuan mereka dalam dunia koporat walaupun tidak sepuas hati kami. Terima kasih kepada Menteri Kewangan. Memanglah masih ramai yang belum berpuas hati dengan had cukai koporat yang baru sebanyak 45% itu yang tidak setanding dengan kadar yang wujud sekarang di negara-negara jiran. Walau bagaimanapun, langkah yang sederhana ini haruslah diperlihatkan dalam perbandingannya dengan kemerosotan pendapatan hari ini yang mengancam untuk memperbesarkan lagi kekurangan dalam Belanjawan sungguhpun dalam keadaan di mana perbelanjaan telah dapat dikawal.

Tuan Pengerusi, saya yakin sekiranya jangkakan pendapatan bertambah baik iaitu dengan pemulihan ekonomi kita, Menteri Kewangan akan mengkotakan cakupannya dan beliau akan menurunkan lagi cukai koporat. Itulah harapan kami di dunia koporat.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama kita tidak seharusnya mabuk minum air sejuk kononnya dengan desakan bagi menurunkan cukai koporat sebagai resipi atau syarat bagi pelaburan dan pertumbuhan ekonomi. Sesungguhnya terdapat banyak lagi faktor di Malaysia yang boleh menggalakkan pelaburan, seperti infrastruktur yang baik, tenaga kerja yang mahir. Tambahan pula, khususnya tentang pelaburan asing telah pun terdapat pelbagai jenis galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun saya rasa kecewa sedikit dengan Belanjawan 1988 berhubung dengan pengecualian cukai

jualan atau dengan pengecualian cukai jualan, dengan izin, with regard to the narrowing of the sales tax exemption. Saya bimbang cukai jualan ke atas barangan seperti bahan-bahan makanan seperti susu dan pengetin hanya akan mengakibatkan para pengguna terpaksa membayar lebih kerana belanja atau kos peraturan-peraturan akan mendorong pengeluar dan producers untuk memindahkan kos kepada bahu pengguna dan consumers, dengan izin.

Tuan Pengerusi, demikian juga adalah tidak patut untuk mengharapkan pengeluar-pengeluar akan memindah apa jua keuntungan daripada pembatalan cukai keuntungan lebih kepada pengguna-pengguna melalui penyerapan kos yang meningkat.

Tuan Pengerusi, saya menyokong usul ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Seremban, lepas itu Yang Berhormat dari Sungai Petani dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.54 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 141, Butiran 010000, Program/ Aktiviti 010300—Penyemakan Cukai.

Tuan Pengerusi, saya mahu bercakap sedikit di atas cukai jualan. Consumers atau pengguna-pengguna masih sedang mengalami akibat-akibat negatif kelembapan ekonomi dan belum dapat menikmati sebarang kebaikan dari dakwaan setengah-setengah pihak tentang pemulihan ekonomi. Kuasa belian belum diperbaiki dan ia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan tahun 1984.

Berkenaan pendapatan per capita atau gross per capita income setahun, pada tahun 1984 seseorang daripada

kita mendapat \$4,685; 1985—\$5,061; 1986—\$4,088 dan 1987 dianggarkan \$4,220. Dibandingkan dengan tahun 1984 dan 1985, pendapatan ini sudah direndahkan. Pendapatan pengguna dalam setahun sudah turun. Dalam kata-kata yang lebih mudah difahami, seorang rakyat biasa akan ditekan dari kedua-dua hujung. Di samping pendapatannya sangat berkurangan, harga barang-barang makanan yang perlu tiap-tiap hari dinaikkan.

Cukai jualan yang dikenakan semula sebanyak 5% ke atas roti, ikan masin, sayur-sayuran, tepung, daging dan lain-lain barang keperluan akan lebih membebaskan seseorang yang berpendapatan rendah kerana harga barang-barang consumers tersebut tentu akan dinaikkan. Adalah sukar untuk difahami mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan patut mengenakan cukai jualan sebanyak 5% manakala dalam Laporan Ekonomi 1987/1988 beliau mengatakan beliau menyedari tentang kesusahan yang dialami oleh golongan yang berpendapatan rendah. Sebagai contoh, beliau mengatakan, dan saya quote, dengan izin:

“On a per capita basis, real price consumption is expected to stabilise reflecting mainly the cautious spending pattern of wage earners whose income and job security have been affected by the recent recession. The increase in consumption is expected to be confined to more essential goods and services while expenditure on more expensive consumer durables are expected to be postponed further.”

Dalam lain-lain perkataan, seseorang yang berpendapatan rendah hanya dapat membiayai barang-barang keperluan seperti makanan. Beliau tidak akan mempunyai wang berlebihan untuk peti sejuk yang baru atau kereta yang baru. Jadi

mengapakah Menteri Kewangan mengenakan semula cukai jualan sebanyak 5%? Ada ramai pengguna mengatakan Budget ini bukan untuk mereka tetapi untuk orang-orang kaya dan mereka menganggap ini sebagai satu "nut-cracker" Budget, dengan izin.

Tuan Pengerusi, kami faham bahawa dengan menghapuskan cukai keuntungan berlebihan, Kerajaan dapat menguntungkan golongan peniaga besar dan dengan cara ini ia dapat menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjangka pendapatan negara akan berkurangan sebanyak \$140 juta dengan menghapuskan cukai keuntungan berlebihan yang kemungkinan besar jumlah pendapatan ini dapat dikutip dari 5% cukai jualan. Ini adalah tidak adil kerana peranan pekerja-pekerja biasa dan golongan peniaga adalah sama pentingnya kepada negara. Oleh itu cukai jualan sebanyak 5% patut dikikiskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismilahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya. Saya ingin mengemukakan satu perkara yang agak serius apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi, supaya tidak timbul kekeliruan kepada kita rakyat Malaysia terutamanya kita di dalam Dewan ini.

Faktor-faktor yang telah disebutkan tadi ada beberapa faktor yang tidak tepat yang boleh mengelirukan. Saya percaya tentulah pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memberi jawapannya tetapi mengingatkan saya sebagai seorang

pendakwah maka saya rasa molek saya terangkan sedikit sebanyak mengenainya.

Pertama, apa yang dilakukan oleh Bank Islam ianya bukanlah pinjaman. Di dalam Islam kalau pinjam \$1.00 hendaklah dibayar balik \$1.00—tidak boleh bayar \$1.10 sen. Apa yang dilakukan oleh Bank Islam ialah yang disebut di dalam Islam "bai'ul-ajal", iaitu jualbeli yang ditangguhkan. Maknanya diakad atau diadakan kontrak di antara Bank Islam dengan pembeli rumah dan mesti antara dua pihak itu bersetuju.

Contohnya rumah yang telah dibeli dengan harga \$40,000. Rumah yang berharga \$40,000 itu apabila genap sepuluh tahun atau sepuluh tahun akan datang harganya bukan lagi \$40,000. Kita sendiri tahu selepas sepuluh tahun mungkin harganya \$80,000, mungkin harganya \$100,000. Jadi, atas harga rumah itulah ditetapkan persetujuan di antara pembeli dan penjual, harga rumah ini setelah kamu selesai membayarnya, harganya \$100,000 umpamanya. Maka dibahagi-bahagikanlah kepada berapa tahun yang hendak dibayar. Maka itulah tidak ada riba, tidak ada faedah dan tidak ada bunga, kerana ianya dipersetujui oleh kedua-dua pihak dengan mengambil kira harga selepas sepuluh tahun atau selepas lima belas tahun. Jelaslah di sini bahawa ianya tidak melibatkan bunga, ia tidak melibatkan faedah, cuma kalau harganya tinggi jangan beli dan Bank Islam tidak memaksa. Kita juga sebagai pembeli tidak dipaksa untuk membeli, kita boleh beli dan kita tidak boleh beli, kalau kita fikir harganya mahal, kita jangan beli. Ini bukanlah paksaan, itu terletak kepada pasaran rumah yang ada pada masa itu.

Satu lagi perkara yang saya suka timbulkan di sini ialah mengenai Butiran 030400 Pinjaman Perumahan, muka surat 142. Ada dua perkara yang saya hendak sebut di sini.

Pertama, saya telah difahamkan bahawa ada satu badan telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan dan telah mengemukakan satu kertas kerja mengenai pinjaman secara Islam kerana ramai kakitangan yang beragama Islam merasa ragu-ragu untuk membuat pinjaman kepada Kerajaan kerana bimbang ianya terlibat dengan faedah dan bunga. Jadi, sebuah badan telah mencadangkan dengan satu kertas kerja mengenai pinjaman secara Islam tetapi sehingga sekarang pihak Kementerian Kewangan belum lagi memperakui dan belum lagi ada apa-apa khabar dan berita mengenai kertas kerja tersebut.

Kedua ialah mengenai pinjaman yang dilarang atau tidak diberi kepada orang yang memohon tetapi ianya telah pun membuat pinjaman dengan bank. Maka pihak Kementerian tidak membenarkan orang meminjam untuk membayar balik kepada bank. Mungkin pada asalnya adalah betul dan baik tetapi tentulah ada kes-kes tertentu yang perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Saya mengambil contoh seorang cikgu belum cukup umur 30 tahun dan dia tidak boleh meminjam dengan Kerajaan dan ia terpaksa membuat pinjaman dengan bank. Apabila dia membuat pinjaman dengan bank dan dia telah terlupa dan tersilap membuat kiraan tentang bayaran balik pinjamannya maka pinjaman yang hendak dibayar balik itu tidak mampu dibayar dan akhirnya hutangnya bertapak-tapak sehingga hampir setahun dan bank telah menyamannya dan dia terpaksa membayar dari \$400 sebulan kepada \$1,000 sebulan sedangkan gajinya hanyalah \$750. Jadi, dalam kes-kes yang seumpama ini, saya merayu kepada pihak Kementerian Kewangan dapat dipertimbangkan dengan adilnya terutamanya kepada guru-guru

daripada Kumpulan C kerana mereka banyak bergantung kepada gaji mereka, sekiranya pendapatan mereka terjejas maka prestasi mereka di sekolah juga terjejas dan ianya menjejaskan kepada anak-anak kita yang pergi ke sekolah. Dengan sebab itu, perlulah diberi pertimbangan sewajarnya mengenai perkara ini.

Boleh lagi tak?

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh sedikit lagi.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Satu lagi mengenai Butiran 01800 Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd.

Saya merasa syukur dan bangga kerana wakil dari Pengkalan Chepa telah sedar dan mengakui tentang kebaikan Kerajaan dan melihat bahawa hasrat Kerajaan hendak menuju ke arah yang betul ke arah Islam. Jadi, saya merayu dan meminta kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa marilah bersamasama dengan kami dalam UMNO supaya dapat bergabung tenaga dan memajukan lagi perkembangan Islam di negara kita.

Tuan Pengerusi, mengenai Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd ini, saya mencadangkan kepada pihak Syarikat ini memperkenalkan dengan lebih luas lagi supaya ianya meliputi kegiatan-kegiatannya bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kepada orang-orang bukan Islam.

Saya telah difahamkan bahawa mereka yang telah mengambil insuran secara takaful ini telah dibayar dividen—insuran takaful kereta dibayar dividennya. Ini adalah satu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana insuran dan saya percaya ianya boleh lebih maju lagi. Sekiranya ia maju tentulah ia akan kekurangan kakitangan dan dicadangkan supaya pihak Bank Islam

dapat membuka Bank-bank Islam dan diwujudkan Syarikat Takaful ini di banyak tempat di seluruh Malaysia.

Saya juga menyokong atas usaha pihak Syarikat Takaful sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri semasa menjawab Soalan Mulut dua tiga hari yang lepas yang menyebut bahawa Syarikat Takaful tidak melantik agen-agensya, kerana apabila melantik agennya pihak takaful akan membayar kepada agen-agen itu. Ini adalah satu cara yang sangat baik untuk memberi keuntungan kepada Syarikat Takaful dan seterusnya keuntungan itu diberi kepada orang-orang yang menyertai syarikat insuran berkenaan.

Cukup setakat itu, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Kewangan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membincang dengan secara mendalam hal-hal yang berkaitan dengan perbelanjaan Kementerian Kewangan yang telah pun dicatat di dalam buku Anggaran Belanjawan Persekutuan, 1988 muka surat 141-150. Saya tidak bertujuan untuk bercakap ataupun membalas satu persatu ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian tetapi secara umum, saya akan cuba setakat mana yang boleh untuk menentukan bahawa beberapa dasar yang telah pun diumumkan di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini berkenaan Belanjawan 1988 itu dapat difahami dengan betul.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, ada beberapa cara sahaja untuk kita mencari wang untuk negara ini. Secara

umumnya ialah kita mencukai ataupun mengenakan cukai. Keduanya, ialah kita jual aset ataupun jual hasil negara seperti minyak, kelapa sawit dan sebagainya, dan yang ketiga, ialah kita pinjam.

Semua orang faham akan kedudukan kewangan negara pada tahun ini dan juga kemungkinan pada tahun depan dan kita mengambil kira kedudukan kewangan rakyat dan juga kedudukan kewangan semua lapisan rakyat yang mungkin rasa tidak puas hati berkenaan dengan beberapa hal yang telah diumumkan, tetapi seperti kata beberapa Ahli Yang Berhormat, kita terpaksa "realistic", dengan izin.

Kita telah pun mengenakan hanya beberapa jenis cukai sahaja, yang penting sekali yang telah dibangkitkan hari ini ialah cukai jualan.

Seperti yang telah diterangkan bahawa cukai jualan yang 5% itu hanya dikenakan kepada barang-barang yang diimport, jadi tidak sekali dikenakan kepada barang-barang yang dikatakan makanan asas rakyat. Oleh kerana itu beberapa kali telah pun diterangkan melalui Televisyen dan akhbar bahawa cukai jualan yang dikenakan 5% itu tidak sekali-kali patut menjadi asas kepada penjual-penjual ataupun ahli-ahli perniagaan untuk menaikkan harga penjualan mereka kerana ia tidak terkena kepada barang-barang yang bukan diimport iaitu barang-barang tempatan, khususnya barang-barang yang menjadi makanan asas kepada rakyat. Mungkin yang dikelirukan ialah berkenaan dengan. . . .

Dr Chen Man Hin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Seremban bangun, hendak beri jalan?

Dr Chen Man Hin: Minta penjelasan. Sungguhpun barang diimport, tetapi. . . .

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, dia belum sedia, hendak beri jalan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya. . . .

Tuan Pengerusi: Baiklah, dia beri jalan.

Dr Chen Man Hin: Saya tidak faham, barang import atau tidak import, tetapi kalau barang itu kena cukai jualan dia membebankan rakyat. Serupa juga.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat dari Seremban kurang faham. Saya cuba untuk menjelaskan dan saya harap Yang Berhormat dari Seremban kalau kurang faham dapat meneliti segala penerangan yang telah dibuat.

Saya telah terangkan bahawa cukai jualan 5% yang dikenakan hanya dikenakan kepada barang-barang yang diimport seperti barang-barang daripada Thailand ataupun dari negara-negara lain. Barang-barang tempatan, terutamanya makanan-makanan asas ataupun barangan-barangan asas tidak dikenakan cukai 5%. Jadi, oleh kerana itu tidak logik kalau sekiranya kita katakan bahawa barangan-barangan yang akan dibeli oleh pengguna akan dinaikkan harganya kerana cukai tidak dikenakan kepada barang-barang tempatan, tetapi kalau sekiranya orang itu hendak makan makanan yang diimport, maka ia perulah membayar 5% tersebut dan sebagai contoh kalau barang itu berharga \$1.00 maka yang kena bayar ialah 5 sen, bermakna barang itu berharga \$1.05, dan kita telah pun memberi amaran kepada peniaga-peniaga supaya tidak mengenakan harga yang berlebihan daripada yang patut, terutama kepada barang-barang yang telah diimport.

Yang mungkin mengelirukan pengguna-pengguna ialah berkenaan

dengan "one stage taxation (sales tax)" ini, dengan izin, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan barang-barang yang dikilangkan yang dikenakan cukai 10%. Jadi, telah pun beberapa kali kita menerangkan hal ini di dalam mass media, TV dan sebagainya bahawa "one stage sales tax" ini hanya dikenakan kepada barang-barang yang digunakan dalam "manufacturing", dengan izin.

Jadi, oleh kerana itu tidak ada sebab mengapa kita patut ragu-ragu tentang kenaikan harga barang-barang ini, lagi pun izinkan saya menyatakan di sini bahawa kadar inflasi yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan hanyalah 1.5%. Jadi oleh kerana itu maka tidak ada sebab mengapa keraguan timbul begitu banyak tentang hal-hal yang telah pun jelas. Saya ingin menjelaskan sekali lagi dengan tegasnya bahawa cukai jalan 5% dan 10% itu tidak sepatutnya akan membebankan rakyat.

Tuan Pengerusi, soal kedua, ialah mengenai "unemployment" ataupun pengangguran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat awal-awal tadi. Saya ingin sekali lagi menegaskan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa Kerajaan telah pun membuat satu kenyataan baru-baru ini mengenai pengangguran dan kita faham bahawa pengangguran telah mencapai satu tahap yang agak tinggi. Oleh kerana itu kita mengharapkan supaya pihak swasta memainkan peranan yang lebih berkesan untuk sekurang-kurangnya membantu Kerajaan menimbulkan sedikit-sebanyak pekerjaan baru daripada beberapa insentif-insentif, dengan izin, yang telah diberikan oleh Kerajaan bagi pihak mereka terutama mengenai dengan corporate tax, dengan izin, ataupun cukai koporat.

Dengan sekaligus, saya ingin menyentuh berkenaan dengan cukai koporat yang telah disentuh oleh

beberapa Ahli Yang Berhormat. Cukai koporat yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini yang dikurangkan sebanyak 3% iaitu access tax ataupun super tax, hanyalah sebagai yang telah pun dinyatakan di peringkat pertama, jika sekiranya diizinkan Allah, ekonomi kita lebih baik kemungkinan kita boleh melihat sekali lagi dan membuat satu kajian yang lebih mendalam berkenaan kemungkinan cukai-cukai yang berkaitan dengan koporat ini akan dikaji semula. Marilah kita berdoa bersama-sama agar pada tahun 1988/1989 dan seterusnya akan menjadi tahun-tahun yang gemilang kepada kita—Insya Allah. Dengan harga barangan-barangan asas negara ini yang telah pun “pact”, dengan izin, kepada harga-harga yang agak baik.

Hal-hal yang lain adalah hal-hal yang tidak begitu besar tetapi walau bagaimanapun saya ingin menyentuh bahawa mengenai dengan pinjaman Bank Islam, saya telah pun mendengar dengan teliti ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan saya rasa bahawa ucapan Yang Berhormat itu ada kaitan sedikit berkenaan dengan dasar. Walau bagaimanapun, saya ingin menerangkan di sini bahawa polisi Bank Islam adalah ditentukan oleh satu pasukan pakar yang terdiri daripada Sarjana-sarjana yang pakar dalam hukum Islam dari dalam dan luar negeri. Cadangan Yang Berhormat mengenai beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan akan dikaji dengan lebih lanjut, insya Allah.

Mengenai dengan pinjaman secara Islam yang telah saya sebutkan juga, kajian dan rujukan awal telah pun dibuat dengan pihak-pihak tempatan, walau bagaimanapun telah didapati pelaksanaannya oleh Kerajaan memerlukan kajian lebih melanjut. Pihak Perbendaharaan Malaysia pada

masa sekarang menyusuli perkara ini, terutama pinjaman perumahan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Walaupun bagaimanapun, saya mengakui ada kertas-kertas kerja yang telah pun dihantar kepada pihak Perbendaharaan melalui Bahagian Perumahan untuk mengkaji semula kalau boleh cara pinjaman secara Islam. Pihak Perbendaharaan dan pihak Kementerian melalui Bahagian Perumahan sedang mengkaji hal itu. Kemungkinan berkenaan dengan Kerajaan menimbang semula ataupun memberi sedikit pertimbangan berkenaan dengan peminjam-peminjam yang terkeluar daripada orang-orang yang berhak meminjam iaitu orang-orang yang didapati “caught in between event” iaitu terutama yang ingin membeli rumah sebelum mereka mencapai umur 30 tahun.

Saya ingin menyatakan di sini kita telah membuat dasar ini dan oleh kerana mereka ini telah pun tersepit di dalam keadaan-keadaan yang tertentu, kita tidaklah begitu zalim, kita juga mengikut keadaan-keadaan tertentu boleh menimbang jika “merit of the case” ada untuk dipertimbangkan. Saya tidak secara umum boleh menyatakan bahawa kita akan pertimbangkan semua kes. Ia akan dipertimbangkan mengikut “merit of each case”, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan Takaful Islam, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian membahas ataupun berucap. Jadi saya telah pun dalam 2-3 hari yang lepas memberi penerangan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Takaful Islam telah pun meningkat kemajuannya dan telah mula menunjukkan kemampuan untuk membayar dividen ataupun sekurang-kurangnya daripada

keuntungan yang berdasarkan kepada "Almudarabah" iaitu Yang Berhormat dari Sungai Petani mungkin faham, tetapi kita berharap benar bahawa Takaful Islam ini akan maju lagi dengan bimbingan daripada Kerajaan dan kemungkinan bukan sebagai memberi subsidi, tetapi kita berharap Takaful ini akan berkembang daripada satu masa ke satu masa, insya Allah.

Tuan Pengerusi, hal-hal yang lain tidaklah begitu besar, boleh saya kalau perlu menjawab satu persatu secara umum, tetapi apa yang saya catat di sini ialah kebanyakan sudah pun dijawab melainkan contoh EPF seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang bercakap awal-awal tadi, yang memberi satu contoh—Syarikat Lombong Eng Eng dan menuduh Kerajaan bahawa Kerajaan tidak begitu sensitif kepada syarikat tersebut.

Untuk maklumat Yang Berhormat kita ada undang-undang dan sekiranya undang-undang itu tidak dipatuhi oleh syarikat-syarikat tersebut kita akan mengambil tindakan, dan menjadi tanggungjawab juga kepada orang-orang yang berkerja itu melaporkan lebih awal lagi apabila sesuatu itu berlaku dalam syarikat mereka. Kemungkinan Kerajaan untuk menjadi "spy", dengan izin pada setiap syarikat itu tidak mungkin, tetapi walau bagaimanapun undang-undang yang ada ini cukup memadai untuk menjaga hak-hak dan juga interest pekerja-pekerja di dalam syarikat-syarikat tertentu.

Pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, kebanyakan daripada syarikat-syarikat yang tidak membayar caruman KWSP itu telah pun diambil tindakan.

Tuan Pengerusi, saya ingat tidak ada banyak yang telah dibangkitkan melainkan satu lagi iaitu berkenaan

yang dicakapkan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang. Beliau bercadang supaya pejabat Kastam dan rumah-rumah kediaman Kastam di Rantau Panjang itu diperbaiki dan dipertingkatkan mutunya. Saya sendiri telah pun melawat pejabat Kastam Rantau Panjang dan telah pun membuat beberapa cadangan untuk memperbaiki pejabat tersebut, tetapi oleh kerana itu adalah satu kompleks yang terlibat Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan sebagainya, maka kita terpaksa berbincang tentang kos yang mungkin terlibat di dalam kita mempertingkatkan taraf Kompleks Kastam di Rantau Panjang. Oleh kerana keadaan ekonomi itu tidak begitu mengizinkan hari ini maka kita terpaksa menangguhkan sebentar untuk kita memperbesarkan atau memperbaiki pejabat tersebut. Kita faham bahawa apa yang ada hari ini memadailah buat sementara waktu untuk kita menjalankan tugas dengan baik. Yang penting pada saya ialah bukan bangunan, bukan facilities yang ada, tetapi pekerja-pekerja itu yang dedicated.

Kalau sekiranya mereka mempunyai dedikasi yang kuat, mempunyai "commitment" terhadap kerja mereka maka soal-soal bangunan itu tidak begitu penting. Walau bagaimanapun, saya tidak mengatakan bahawa ia tidak boleh diadakan, tetapi yang penting, yang telah saya tegaskan kepada Pegawai-pegawai Kastam dan juga pegawai-pegawai dalam Kementerian Kewangan ialah the commitment and the efficiency of the workers themselves, dengan izin. Saya percaya kalau sekiranya bangunan itu mencakar langit sekalipun kalau pegawai-pegawai itu tidak mempunyai commitment dan juga azam untuk bekerja dengan baik, maka bangunan itu tidak menjadi makna. Walau

bagaimanapun, pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu akan diambilkira dan kemungkinan kalau sekiranya kita dapat mengadakan satu location, dengan izin, untuk memperbaiki ini kita akan jalankan, insya Allah.

Tuan Pengerusi, mengikut catatan saya tidak ada lagi perkara-perkara besar yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagai penutup saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan hari ini dan insya Allah marilah kita berdoa bersama-sama agar tahun 1988 menjadi satu tahun yang boleh dibanggakan, sebagai satu tahun yang menjadi langkah pertama untuk kita melihat kembali akan kedudukan kewangan negara kita tentang menjimatkan kewangan dan mempertingkatkan pengeluaran seperti yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober yang lepas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$83,614,000 untuk Maksud B.28; \$212,314,850 untuk Maksud B.29; \$228,656,900 untuk Maksud B.30; \$139,475,200 untuk Maksud B.31 dan \$85,160,900 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$83,614,000 untuk Maksud B.28; \$212,314,850 untuk Maksud B.29; \$228,656,900 untuk Maksud B.30; \$139,475,200 untuk Maksud B.31 dan \$85,160,900 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak

\$291,970,130 yang disebutkan dalam Maksud P.28; \$59,194,000 untuk Maksud P.31 dan \$500,000,000 untuk Maksud P.57 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$291,970,130 untuk Maksud P.28; \$59,194,000 untuk Maksud P.31 dan \$500,000,000 untuk Maksud P.57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.33 (Jadual)—

Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.33 dan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sandakan.

6.28 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.33, muka surat 153, Butiran 010000, kod 10000—Emolumen.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan projek perumahan yang dibina oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Saya difahamkan sejumlah 74,695 unit rumah kos rendah dan kos sederhana telah dibina oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Daripada jumlah itu, sebanyak 9,889 unit atau. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di atas muka surat 153?

Tuan Fung Ket Wing: Ya, Butiran 010000, kod 10000—Emolumen.

Tuan Pengerusi: Berkenaan dengan rumah murah?

Tuan Fung Ket Wing: Ya.

Tuan Pengerusi: Perusahaan Awam mempunyai rumah murah, ada?

Tuan Fung Ket Wing: Ya, ada.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Fung Ket Wing: Daripada jumlah itu sebanyak 9,889 unit atau lebih kurang 14% sehingga 30hb Jun, 1987 masih belum dapat dijual kepada orang ramai. Menurut pecahan tiap-tiap negeri iaitu:

1. Selangor ..	7,254 unit
2. Pulau Pinang ..	1,049 unit
3. Perlis	113 unit
4. Kedah	45 unit
5. Perak	291 unit
6. Negeri Sembilan ..	8 unit

7. Melaka	157 unit
8. Pahang	194 unit
9. Terengganu ..	432 unit
10. Kelantan ..	177 unit
11. Sabah	4 unit
12. Sarawak ..	165 unit

Kalau kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok sambung ya!

Tuan Fung Ket Wing: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.